

CREATE



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity


Mei - Ogos 2011

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Canselor tinjau pembangunan UMP Pekan

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



110 pelajar UMP dan
sekolah berbasikal
324km temui PM



Perubahan *mindset*
penting untuk
pupuk minat dalam
dunia penyelidikan


Kandungan



4 Canselor tinjau pembangunan UMP Pekan



6 110 pelajar UMP dan sekolah berbasikal 324 km temui PM



8 Makmal Berpusat rancakkan aktiviti penyelidikan dan pengujian

	Sidang Editorial & Dari Meja Ketua Editor	03
10	502 pelajar baharu daftar Pengajian Diploma	
	Tempurung sawit dikitar semula menjadi bahan binaan	11
12	Atribut graduan dan ekspektasi industri - perspektif untuk jurutera awam	
	6 program kejuruteraan melalui proses akreditasi	13
14	Kolaborasi akademik UMP-Politeknik pemangkin kerjasama lebih strategik	
	Masyarakat dunia perlu pelajari bahasa Melayu-James T.Collins	15
16	InECE UMP bincang isu tenaga alternatif	
	30 delegasi BAKORMA lawat UMP	17
18	Post Graduates Week 2011-Pendedahan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian siswazah	
	MLCC tawar kursus bahasa Mandarin untuk staf	19
20	UMP tuan rumah Sesi Dialog MQA bersama IPT di Zon Timur	
	UMP, SIRIM sepakat bangun teknologi Nano	21
22	Program teknologi memerlukan badan pengiktirafan sendiri	
	ICT Business Centre bantu tingkatkan perkongsian dan pengetahuan IT	24
25	Semarak Ramadan rai anak yatim dan pelajar	
	Perubahan mindset penting untuk pupuk minat dalam dunia penyelidikan-Profasor Dr. Zahari	26
28	Klik-klik lensa	
	Prof. Dr. Yuserrie dilantik Komandan Kor Suksis yang baharu	30
31	UMP capai taraf 5 bintang penarafan data Mymohes	
	61 pelajar FKP sertai Program Apprentis MAI	32
33	Hari Keluarga rapatkan ikatan antara staf	
	Majlis Berbuka Puasa bersama media erat hubungan	34

	UMP martabatkan bahasa Melayu	35
36	UMP hargai staf cemerlang dan jasa cemerlang	
	1,000 staf hayati semangat kemerdekaan	37
38	APUCEN eratkan hubungan masyarakat kampus dengan komuniti luar	
	UMP, NIU jalin kerjasama tawar Program Teknologi Kejuruteraan	39
40	UMP permata dihujung muara, Kuala Pahang bertukar wajah	
	Sinar ECER bantu masyarakat Orang Kita di Runchang	41
42	60 pelajar antarabangsa berkampung di Cherok Paloh	
	IN-TEAM bentuk wibawa kepimpinan pengawas SMK Pelabuhan	43
44	Saber harumkan nama UMP dalam Eco-Challenge 2012	
	Kiluan Mutiara erat hubungan Kelab In-Smartive UMP, SK Felda Purun	45
46	UMP naib juara Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin	
	33 PALAPES Laut berkayak ke Pulau Kapas	47
48	Sepak Takraw sumbang pingat perak di SUKUM 2011	
	UMP Staf FC beraksi cemerlang mencipta sejarah	49
50	1,000 peminat sepak takraw banjiri UMP	
	130 atlet UMP beraksi di Kejohanan SUKUM ke-36	51
52	Jurutera Proses sangat mencabar-Syarifah Natasha	
	Sumber manusia	53
54	Terbitan Terkini	
	Konsep baharu perpustakaan: bersedia kita?	56
58	Kecemerlangan IPT: Anugerah atau Sumbangan	
	Sihatkah bangunan anda? Pentingnya kepada penghuni	60

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA MELAYU)

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA INGGERIS)

Nor Yazhi Khamis
nyazi@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhily Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Arman A. Rahim
arman@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiashah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Nadira Hana Ab Hamid
nadira@ump.edu.my

Muhamad Faisal Mohd Yasin
faisalm@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Nor Azazi Mamat
azazi@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman
rozmillah@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan empat kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat-kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-549 3184
Faks: 09-549 3199
e-Mel: safriza@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah
mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Norhafizah Fadzillah
hafizahf@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Dari Meja
Ketua Editor

Makmal berpusat UMP tarikan rakan industri

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 UMP untuk pembaca budiman.

Syukur ke hadrat Illahi, sejourus *Create* Januari-April menemui pembaca, sekali lagi pasukan sidang editorial membanting kudrat merealisasikan keluaran terbaharu ini yang terus memaparkan tradisi kecemerlangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sudah menjangkau usia sembilan tahun penubuhannya. Ini sudah cukup membuktikan, entiti ini sangat matang dan mampu melangkah lebih jauh di peringkat global.

Selama sembilan tahun ini juga, UMP telah berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan sehingga tertubuhnya kampus tetap UMP di Pekan. Dan, pada tahun ini, kampus tetap ini mencipta sejarahnya tersendiri apabila KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Hajj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah mencemar duli, berangkat ke kampus UMP Pekan bagi melihat perkembangan dan pembangunan di sana.

Dalam lawatan kerja rasmi itu juga, universiti amat berbesar hati apabila KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tuanku Canselor berkenan menerima watiwah pelantikan semula sebagai Canselor UMP untuk tempoh lima tahun berkuat kuasa pada 1 April 2011, yang menggambarkan kesungguhan baginda untuk memajukan negeri Pahang Darul Makmur sebagai salah sebuah pusat pengajian tinggi negara.

Di samping itu, bagi merancakkan lagi budaya penyelidikan dan inovasi di kalangan tenaga akademik, UMP telah menubuhkan makmal berpusat yang bakal menjadi pusat rujukan setempat bagi aktiviti penyelidikan dan pengujian produk keluaran lebih-lebih lagi dapat menarik pihak industri di Malaysia, khususnya di Pantai Timur untuk menggunakan perkhidmatan makmal tersebut dan secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan kerjasama antara UMP dan pihak industri.

Sebelum edisi ini melabuhkan tirainya, kami di Sidang Editorial *Create* terlebih dahulu mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-54 tahun buat semua pembaca budiman yang tetap setia menantikan kemunculan *Create* yang menjadi gerbang informasi untuk UMP. Mohon maaf dipinta sekiranya terdapat kekhilafan sepanjang kami memerah keringat menerbitkan *Create* ini.

Sehingga bertemu di keluaran akan datang. Insya-Allah.

Abd Rahman Haji Safie



Canselor tinjau pembangunan UMP Pekan



Lebih 1,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyambut keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah yang merupakan Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke UMP Pekan pada 28 April 2011 yang lalu.

Baginda berangkat menyempurnakan lawatan kerja rasmi baginda ke UMP kampus Pekan bagi meninjau perkembangan dan pembangunan yang sedang dilaksanakan di kampus tetap UMP di Pekan.

Baginda berkenan melawat pembangunan peringkat Fasa 1 yang menempatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang dilengkapi pejabat pentadbiran, makmal dan pusat pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, baginda turut diberi penerangan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim mengenai perancangan dan pembangunan kampus di Mukim Kuala Pahang ini.

Kampus UMP di Pekan yang telah mula beroperasi sejak tahun 2009 telah menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Bangunan FKEE mempunyai sebuah blok pentadbiran dengan tiga dewan kuliah berkapasiti 100 pelajar serta enam bilik kuliah yang berkapasiti 40 orang dengan tiga blok makmal yang menempatkan 25 makmal

pelbagai guna.

Manakala, bangunan FKM pula menempatkan satu blok pentadbiran dengan sebuah dewan kuliah yang boleh menampung kapasiti seramai 300 pelajar.

Bangunan ini mengandungi enam bilik kuliah berkapasiti 40 orang dan empat blok makmal yang mempunyai 25 makmal pelbagai jenis yang turut menawarkan perkhidmatan pengujian dari pihak industri.

Pada masa ini dapat disaksikan bangunan asrama bagi menempatkan seramai 648 pelajar dengan kemudahan sebanyak 326 bilik siap sepenuhnya yang dihuni pelajar tahun akhir dari kedua-dua fakulti. Bangunan empat tingkat yang mempunyai tiga blok asrama iaitu dua blok siswa dan sebuah blok siswa ini dilengkapi kemudahan surau, rumah felo dan pejabat pengurusan asrama.

Dato' Daing Nasir berkata, pembangunan fasa 1B masih dalam peringkat pembangunan bagi menyiapkan bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Perpustakaan dan Kolej Kediaman Pelajar (KKP) bagi menampung 1,400 pelajar yang dijangka siap pada pertengahan tahun ini.

Bangunan perpustakaan empat tingkat nanti akan dilengkapi dengan bahagian pentadbiran, auditorium, bilik seminar dan ruang bacaan yang boleh menampung 600,000 buah buku serta seramai 3,200 pelajar dalam satu-satu masa," katanya.

Bagi menampung keperluan penginapan pelajar dan staf, UMP dijangka menempatkan

200 pelajar di Bazar Muhibbah di Pekan serta membeli 30 unit rumah di taman perumahan berdekatan Peramu hasil kerjasama melibatkan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP).

Dalam majlis yang sama, KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tuanku Canselor berkenan menerima watak dilantik semula sebagai Canselor UMP untuk tempoh lima tahun berkuat kuasa pada 1 April 2011.

Baginda juga berkesempatan menyaksikan pameran penyelidikan yang diadakan di bangunan FKM.

Selain itu, baginda turut berkenan menanam pokok landskap, iaitu Pokok Rantai Emas (*Golden Chain*) sebagai menyokong usaha kempen 'Hijaukan Bumi' di kampus UMP.

Hadir sama dalam lawatan, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato' Mohd. Hilmey Mohd. Taib, Ahli LPU Dato' Rohani Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dekan FKM, Profesor Dr. Zahari Taha dan Pemangku Dekan FKEE, Ir. Zulkeflee Khalidin.

Pembangunan UMP sebagai universiti teknikal berfokus ini dijangka dapat menghasilkan lebih ramai graduan jurutera praktikal dan teknologis yang mampu memenuhi keperluan negara pada masa hadapan.





110 pelajar UMP dan sekolah berbasikal 324 km temui PM

Hasrat 110 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah Pekan membuat kayuhan sejauh 324 km dalam Ekspedisi Berbasikal 1 Malaysia Pekan Putrajaya untuk berjumpa dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak akhirnya menjadi kenyataan apabila tiba di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya tepat jam 8 pagi pada 2 Jun 2011 yang lalu.

Perasaan gembira jelas terpancar dalam diri setiap peserta ekspedisi apabila berjaya sampai ke destinasi akhir setelah berhujan dan berpanas selama empat hari bermula dari Pekan hingga ke Putrajaya.

Menurut Dato' Sri Najib, beliau berbangga dengan semangat yang ditunjukkan generasi muda yang mencerminkan hasrat mereka menjadikan semangat ini sebagai bekalan hidup dalam menyumbang pembangunan negara.

"Generasi yang lemah, longlai, tidak bersemangat dan terjebak dengan gejala sosial akan merosakkan masa depan negara," katanya semasa berucap semasa menyambut ketibaan peserta ekspedisi ini.

Sementara itu, Naib Canselor UMP,

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, "Ekspedisi melibatkan universiti dan sekolah ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama yang erat melibatkan UMP dan pihak sekolah serta merealisasikan konsep 1Malaysia dalam memasyarakatkan kampus.

Selain itu, aktiviti ini sebagai mengisi aktiviti cuti sekolah yang baharu bermula dengan suatu program yang berfaedah dengan mengamalkan gaya hidup sihat di kalangan generasi muda.

Program selama tiga hari ini singgah di 12 lokasi perhentian melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mat Kilau, UMP Gambang, Kompleks Belia Maran, SK Gau, SK Rantau Panjang, SMK Karak Setia dan Sekolah Menengah (SM) Vokasional Ampuan Afzan.

Turut menjadi lokasi persinggahan, SMK Bukit Tinggi, SBPI Gombak, di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang dan Putrajaya.

Ketua Ekspedisi Ramle Abid berkata, kerjasama semua pihak melibatkan petugas peralatan, teknikal, pengangkutan, logistik dan bantuan petugas kesihatan berjaya memastikan peserta sentiasa berada dalam keadaan selamat hingga ke destinasi akhir.

Sementara itu, jurulatih pasukan yang juga guru SMK Tengku Abdullah, Cikgu

Sakri Hamzah berkata, beliau menghargai sokongan keluarga pelajar dan semangat guru-guru yang terus menyuntik semangat kepada pelajar.

"Saat paling getir apabila sampai di kawasan mendaki bukit yang tinggi sekitar Bentong dan Karak, namun kepayahan ini tetap diharungi dengan semangat yang kental."

Beliau berbangga dengan tahap disiplin dan komitmen pelajar dalam memastikan perjalanan ekspedisi mengikut jadual serta berjalan lancar.

"Penghargaan tidak ternilai atas bantuan kawalan trafik PDRM terutamanya buat Ketua Pengarah Polis Pahang, Datuk Shahrifuddin Ab Ghani yang banyak membantu memastikan perjalanan kami selamat," katanya.

Bagi pelajar tingkatan empat SMK Tengku Abdullah, Thanaselan a/l Ramachandran, biarpun berlainan bangsa, beliau tidak kekuk berkayuh bersama rakan-rakan lain dengan membawa semangat 1Malaysia ke Putrajaya ini.

Beliau yang tidak pernah menyertai sebarang ekspedisi sebelum ini amat teruja dan tidak pernah menyangka akan sampai ke Putrajaya dengan berbasikal.



Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik UMP, Nurul Atikah Zainal berkata, beliau mula berminat menyertai aktiviti berbasikal sejak awal tahun lalu dan ekspedisi berbasikal ini adalah suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang hayat beliau.

“Bukan sahaja dapat mengharungi kayuhan sejauh 342 km dengan menempuh panas terik, malah dapat berjumpa dengan Perdana Menteri yang amat dikaguminya selama ini,” katanya.

Selain itu, beliau bersama lapan peserta wanita lain turut dapat membuktikan kaum wanita juga mampu menjalankan aktiviti lasak.

Program kayuhan yang dianjurkan UMP dan SMK Tengku Abdullah ini dilepaskan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya, YB Ibrahim Awang Ismail di rumah Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Najib Tun Razak di Pekan.

Program ini mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam dan Parlimen Pekan dalam merealisasikan kejayaan misi ini.





Makmal Berpusat rancakkan aktiviti penyelidikan dan pengujian

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan makmal berpusat yang akan menjadi pusat rujukan setempat bagi aktiviti penyelidikan dan pengujian produk keluaran industri di Malaysia, khususnya di Pantai Timur.

Majlis perasmian disempurnakan Exco Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Sharkar Shamsudin mewakili Menteri Besar Pahang pada 17 Jun 2011 baru-baru ini di UMP Kampus Gambang.

Makmal berpusat yang letaknya di Taman Teknologi & Inovasi UMP Gambang ini lengkap dengan peralatan berteknologi tinggi yang berupaya menjalankan pengujian terhadap bahan kimia, bioteknologi dan bahan material yang melibatkan ujian kualiti air, keselamatan makanan, produk halal, ubat-ubatan, produk kecantikan dan lain-lain.

Menurut Dato' Haji Mohd. Sharkar dalam ucapannya kewujudan makmal UMP ini akan merancakkan pembangunan industri berteknologi tinggi bagi produk makanan halal, bioteknologi, pusat maklumat dan teknologi komunikasi (ICT) dan pusat teknologi pertanian dengan kedudukan yang strategik di Taman Teknologi Gambang ini.

Pada masa yang sama, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Exco Penerangan,

Sains, Teknologi & Inovasi negeri Pahang turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara UMP dengan Institut Teknologi Tallaght, Republik Ireland dan memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI) bagi penawaran program ijazah berkembar (Dual Degree) dalam bidang kejuruteraan teknologi Farmaseutikal.

Kerjasama dengan ITT dan MOPI dalam bidang industri farmaseutikal ini bakal melahirkan jurutera dan pakar teknologis mahir untuk bersaing dalam pasaran kerja pada masa hadapan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama strategik dengan ITT yang mempunyai bidang kepakaran dalam bidang ini, apatah lagi Republik Ireland yang merupakan pelopor dalam industri farmaseutikal menjadikan program yang ditawarkan di UMP lebih berdaya saing."

"Kerjasama dengan MOPI yang mempunyai 34 industri berlatar belakangkan industri farmaseutikal di Malaysia ini memberi peluang pelajar UMP dalam mendapatkan pengalaman menjalani latihan industri semasa di semester keempat dan

keenam.

"Selain itu pelajar juga berpeluang menjalani latihan industri dalam semester kelapan di industri antarabangsa dalam mahupun luar negara.

"Kerjasama ini dijangka dapat merancakkan pembangunan industri Farmaseutikal di Malaysia dengan kemudahan fasiliti dan penyelidikan yang dijalankan di UMP," katanya.

UMP merupakan universiti pertama di Malaysia yang akan menawarkan program Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi (Farmaseutikal) bagi pengambilan sesi akademik mulai tahun hadapan.

Majlis menandatangani memorandum disempurnakan Naib Canselor UMP dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, manakala ITT diwakili Presidennya, Pat Maclaughin dan Ketua Sains ITT, Micheal Ahern.

Sementara itu, MOPI diwakili Presidennya, Leonard Ariff Shatar dan Timbalan Presiden MOPI, Ching Kien Peng.

Hadir menyaksikan detik bersejarah ini Duta Republik Ireland, H.E Declan Kelly dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Hilmey Mohd. Taib.




“

.....kewujudan makmal UMP ini akan merencanakan pembangunan industri berteknologi tinggi bagi produk makanan halal, bioteknologi, pusat maklumat dan teknologi komunikasi (ICT) dan pusat teknologi pertanian dengan kedudukan yang strategik di Taman Teknologi Gambang ini.

”

- Dato' Haji Mohd. Sharkar Shamsudin





502 pelajar baharu daftar Pengajian Diploma

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima seramai 502 pelajar baharu pengajian Diploma pada 1 Jun 2011 yang lalu di Kompleks Sukan UMP bagi kemasukan 2011/2012.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pendaftaran kali ini hanya melibatkan pelajar diploma sahaja dan bagi pelajar peringkat ijazah sarjana muda akan mendaftar pada 4 September nanti.

Perubahan ini adalah berikutan daripada perubahan kalender akademik yang ditetapkan Kementerian Pengajian Tinggi.

Katanya, UMP buat pertama kalinya memulakan pengajian program diploma dengan semester pendek permulaan dengan mengambil tiga subjek elektif iaitu bahasa Inggeris, Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) dan Kokurikulum Briged Siswa dengan 4 kredit bagi tiga bulan tersebut.

"Secara tidak langsung, UMP dapat menyelaras

semula kalender akademik bagi pengajian bermula September ini bagi pelajar Diploma dan Ijazah.

"Ianya juga memberikan kelebihan kepada pelajar diploma untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus," ujar beliau.

Manakala menurut Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, pendaftaran pelajar diploma melibatkan proses pendaftaran kursus, pembayaran yuran kemasukan, urusan asrama dan urusan kad pelajar.

"Sepanjang tiga hari, pelajar akan diberikan taklimat mengenai kemudahan yang ada di universiti, peraturan universiti dan kolej kediaman, taklimat akademik dan program jelajah kampus UMP di Gambang dan Pekan," katanya.

Hari suai kenal berakhir dengan program senamrobik bersama Naib Canselor UMP pada 3 Jun 2011 di perkarangan Kompleks Sukan UMP sebelum memulakan sesi pengajian.

UMP menawarkan lima program diploma kejuruteraan melibatkan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik.

Lima program ini adalah Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses), Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) dan Diploma Sains Komputer.

MAJLIS SYARAHAN UMUM PROFESOR

Structural and Thermal Performance of Concrete Made from Agricultural Waste Products; A Case Study on Oil Palm Shells (OPS) Concrete

Masa
.30
tempat
ASTAKA, UMP

Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA)



Tempurung Sawit Dikitar Semula Menjadi Bahan Binaan



Siapa sangka tempurung kelapa sawit yang selama ini dibuang begitu sahaja amat bernilai sekali apabila ia boleh digunakan sebagai bahan gantikan untuk membuat konkrit apabila ia didedahkan dalam satu Syarahan Umum Profesor yang telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Eng. Dr. Ideris Zakaria bertempat di Dewan Astaka, UMP pada 20 Julai 2011 yang lalu.

Majlis yang julung kalinya diadakan oleh FKKSA dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila berjaya menarik minat lebih 400 peserta yang terdiri daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan pelajar sekolah menengah sekitar Kuantan.

Menurut Profesor Eng. Dr. Ideris, program ini diadakan bertujuan untuk menyebarkan luas khidmat serta mengetengahkan kepakaran yang ada di UMP kepada masyarakat setempat.

“Selain itu juga, dengan program sebegini dapat menjadi medan untuk berkongsi pengalaman yang dimiliki kepada warga

UMP khususnya dan masyarakat setempat amnya.

Syarahan yang bertajuk Structural and Thermal Performance of Concrete Made from Agricultural Waste Products; A Case Study on Oil Palm Shells (OPS) Concrete mengupas tentang tempurung kelapa sawit ataupun OPS yang digunakan sebagai bahan gantikan untuk membuat konkrit.

Katanya lagi, tempurung kelapa sawit pada kebiasaannya dibakar semula sebagai bahan bakar atau dibiarkan reput di tempat pelupusan yang disediakan.

“Namun ia akan memberi kesan dan mendatangkan masalah kepada alam sekitar yang semakin serius pada masa kini.

“Kini, berdasarkan hasil penyelidikan penyelidik UMP yang telah dijalankan dapat membuktikan bahawa tempurung kelapa sawit atau OPS yang telah dicampur dengan simen dan pasir pada kadar yang tertentu dapat menghasilkan pembuatan konkrit yang memenuhi ciri-ciri atau reka bentuk konkrit biasa.

“Setelah dibuat perbandingan ujian di antara mengambil suhu dalaman rumah

OPS di sekitar dinding rumah tersebut dengan rumah-rumah kediaman yang dibina menggunakan konkrit biasa telah membuktikan bahawa rumah OPS memberi keselesaan termal yang lebih baik dari rumah yang dibina dari konkrit biasa,” katanya.

Sementara itu, menurut seorang peserta yang merupakan pelajar tingkatan 5, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota, Mohamad Hamidi Haidzir, 17, merasa gembira dapat berpeluang untuk menyertai program ini.

“Dalam program ini saya banyak mendapat maklumat baru mengenai hasil penyelidikan yang telah dibuat. Diharapkan dengan program sebegini dapat mendorong saya dan kawan-kawan untuk terus minat dalam bidang sains dan kejuruteraan dan tekad untuk terus berjaya dalam pelajaran.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMP, Prof.esor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim dan pengurusan tertinggi UMP.

Sempena program itu juga, diadakan pelbagai pameran hasil penyelidikan daripada para penyelidik FKASA dan peserta turut berpeluang untuk melawat Makmal FKASA.

Atribut graduan dan ekspetasi industri – perspektif untuk jurutera awam

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN



Kebolehpasaran graduan adalah salah satu daripada perkara utama yang perlu ditekan dan diberi perhatian oleh pihak universiti dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan mampu bersaing dalam pasaran terbuka pada masa kini. Graduan yang berkualiti bukan sahaja diukur dari segi segulung ijazah yang dimiliki tetapi juga dari segi kemahiran insaniah (*soft skills*) yang merupakan ciri utama yang diperlukan daripada pihak industri pada masa kini.

Atas faktor tersebut, Profesor Dato' Paduka Dr. Ir. Haji Keizrul Abdullah, dari Lembaga Jurutera Malaysia (IEM) dan juga merupakan Adjunct Profesor Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) telah mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama pelajar tahun tiga dan empat program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (BAA). Turut hadir staf akademik FKASA di mana beliau menekankan ciri-ciri graduan

yang diperlukan dan dikehendaki oleh pihak industri pada masa kini.

Menurut beliau, kebanyakan majikan di Malaysia berpendapat bahawa graduan pada masa kini bijak dalam akademik tetapi kurang berketerampilan dari segi kemahiran insaniah (*soft skills*).

“Kebanyakan graduan yang keluar dari universiti hanya keluar tanpa kemahiran serta tidak mempunyai sikap positif yang diperlukan untuk memasuki alam pekerjaan yang sememangnya berbeza dengan alam pembelajaran.

“Jurutera pada masa kini perlulah relevan dengan kehendak semasa serta mampu untuk berkomunikasi khususnya dalam bahasa Inggeris dengan berkesan, mampu mengurus dan memimpin organisasi serta mempunyai kemahiran berfikir secara inovatif,” katanya.

Selain itu, beliau turut menekan bahawa

cabaran yang akan dihadapi oleh jurutera pada masa kini adalah lebih mencabar dan memerlukan semangat juang serta daya saing yang tinggi.

Katanya, Jurutera pada masa hadapan perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, pengurusan, perundangan, politik serta kemahiran kemanusiaan seperti etika dan profesionalisme dan juga mampu untuk menerima perubahan yang berlaku dalam bidang kejuruteraan sama ada dari segi perkembangan ilmu itu sendiri atau perkembangan teknologi dalam bidang tersebut.

Beliau turut menggariskan enam kemahiran dan kompetensi yang perlu ada pada seseorang jurutera yang berketerampilan menurut *Malaysia Engineering Education Model*:

Bil	Kemahiran & Kompetensi	Ciri-ciri
1	GLOBAL & STRATEGIK	KEMAHIRAN INI MEMBOLEHKAN PELAJAR UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DI DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN YANG BERKEMBANG PESAT DENGAN ILMU PENGETAHUAN.
2	INDUSTRI	KEMAHIRAN INI ADALAH MELANGKAUI SUATU KEMAHIRAN SECARA SAINTIFIK DAN PROFESIONAL YANG DIPERLUKAN UNTUK KEMAJUAN KERJAYA SEORANG GRADUAN
3	KEMANUSIAAN	KEMAHIRAN INI MEMBANTU MEMBENTUK SEORANG JURUTERA YANG SEIMBANG DARI SEGI ETIKA DAN MORAL
4	PRAKTIKAL	KEMAHIRAN INI MENJADIKAN PELAJAR TERLIBAT SECARA LANGSUNG DI DALAM SITUASI SEBENAR YANG MENYEDIAKAN PENYATUAN ASAS DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN BUKAN KEJURUTERAAN
5	PROFESIONAL	KEMAHIRAN INI MELIPUTI ASPEK KOMPETENSI TEKNIKAL YANG DIPERLUKAN UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU TUGAS KHUSUS DALAM BIDANG KEJURUTERAAN
6	SAINTIFIK	KEMAHIRAN INI MELATIH PELAJAR UNTUK MEMPUNYAI ASAS DALAM SAINS KEJURUTERAAN DAN SETERUSNYA MEMAHIRKAN MEREKA UNTUK MENGADAPTASI PERUBAHAN DI DALAM BIDANG SAINS SERTA DAPAT MENARIK MINAT DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN INOVASI.

6 program kejuruteraan melalui proses akreditasi



Oleh: NORUL FADILAH ABDULLAH

Baru-baru ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima lawatan panel penilaian akreditasi daripada Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) untuk membuat penilaian ke atas enam program kejuruteraan. Lawatan selama dua hari bermula 5 hingga 6 April 2011 yang lalu melibatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di UMP Kampus Pekan makanala Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) di UMP Kampus Gambang.

Tujuan lawatan diadakan adalah untuk menilai program kejuruteraan di fakulti berkenaan berdasarkan Manual Penilaian Program Kejuruteraan. Enam program kejuruteraan tersebut adalah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di FKM dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) di FKEE.

Manakala empat program lagi masing-masing satu di FKASA iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan tiga lagi di FKKSA melibatkan program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas).

Dalam program lawatan itu, seramai 13 panel penilai telah hadir dan kesemua panel telah diberi penerangan mengenai universiti oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim termasuk menyatakan beberapa proses pembangunan pengajaran dan pembelajaran secara umum melibatkan program yang akan

diakreditasi.

Lawatan tertumpu kepada taklimat dan soal jawab bersama Dekan dan staf akademik fakulti, pemeriksaan dokumen di fakulti terlibat dan lawatan ke sekitar UMP (Perpustakaan, Dewan Kuliah dan Bilik Kuliah). Temu bual bersama pemegang taruh (*stakeholder*) juga turut diadakan melibatkan wakil industri, ibu bapa dan Alumni UMP.

Beberapa aspek turut diberi perhatian oleh panel pada kali ini terutama mengenai kemudahan makmal, pembangunan penilaian sendiri, pembangunan staf akademik, pembaikan kualiti secara berterusan dan lain-lain lagi.

Secara keseluruhan, hasil daripada lawatan pada kali ini para panel berpuas hati dengan perkembangan bagi setiap program kejuruteraan tersebut selaras dengan kriteria yang ditetapkan dalam manual terutama berkenaan dengan penggunaan sistem pengurusan integrasi (IMS) yang dilihat telah meletakkan UMP kepada tahap kematangan yang tinggi.

Namun begitu, beberapa aspek juga perlu ditambahbaik khususnya berkenaan aspek pembangunan staf, penyediaan dana untuk menjalankan penyelidikan, proses penandaarasan dengan institusi lain dan meningkatkan bilangan Jurutera Profesional.

Di harap dengan respon yang positif serta komen yang membina ini dapat memberi keyakinan kepada semua pihak terutama para pelajar bahawa program kejuruteraan di Universiti ini sentiasa relevan dan diiktiraf oleh badan profesional yang dilantik.



Kolaborasi akademik UMP-Politeknik pemangkin kerjasama lebih strategik

Oleh: FINNY MOHAMED



Hubungan kerjasama di antara Universiti dengan Politeknik dilihat sebagai satu pelantar dalam membantu negara membekalkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi ke arah melahirkan warga negara berpendapatan tinggi selaras dengan aspirasi negara menjelang tahun 2020. Atas dasar tersebut, UMP telah mewujudkan satu kolaborasi akademik dengan beberapa Politeknik terdiri daripada Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Muadzam Shah.

Perencanaan program kolaborasi ini didokong melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah

ditandatangani pada 24 Oktober 2009 yang lalu di antara Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bersama dengan empat Universiti di bawah Program Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dalam rangka untuk merancang, membangun dan menjalankan program artikulasi program pengajian di Universiti.

Antara program atrikulasi yang telah dikenal pasti adalah kajian mengenai mekanisme pengecualian kredit supaya ianya dapat dilaksanakan secara optimum melalui proses rekabentuk semula dan pemetaan kurikulum di antara Universiti dengan Politeknik. Malahan, pelbagai program

berbentuk bridging juga boleh dirangka bagi memastikan program pengukuhan kepada pelajar lepasan Politeknik bagi kursus Matematik dan Fizik dilaksanakan sebelum pelajar berkenaan menyambung pengajian di Universiti. Di samping itu, program berbentuk motivasi, promosi dan taklimat program akademik serta pembangunan kurikulum secara bersama dilihat sebagai satu pendekatan yang kolektif untuk memangkin semangat kolaborasi yang terjalin ini.

Justeru, melalui perbincangan yang telah diadakan pada 12 April 2011 kesemua Politeknik yang berkenaan telah sepakat dan mengharapkan agar kolaborasi yang terjalin ini dapat direalisasikan melalui persetujuan secara bersama berdasarkan kepada bidang kerjasama yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Kerjasama dengan pihak Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun Terengganu yang telah tersedia jalin lebih awal sejak tahun 2010 pula bakal melonjak satu paradigma yang kukuh melalui perjanjian yang akan dimeterai tidak lama lagi. Buat masa ini, proses sumbang saran dan penyelarasan sedang dijalankan untuk memastikan segala perancangan dapat berjalan dengan lancar.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berharap agar kerjasama ini dapat direalisasikan sebagai salah satu pelantar untuk lepasan pelajar Politeknik menjadi feeder kepada program teknologi kejuruteraan yang akan mula ditawarkan oleh UMP mulai tahun 2012 di samping hubungan di antara Universiti dan Politeknik dapat dieratkan lagi. Semoga kerjasama ini akan mewujudkan suasana kerjasama dalam membangunkan infrastruktur intelektual bagi menjana kredibiliti pelajar yang lebih berkualiti untuk meningkatkan sosioekonomi negara di samping memperkasakan lagi pengajian tinggi negara.



Masyarakat dunia perlu pelajari bahasa Melayu

– James T. Collins

Buat julung kalinya, bagi menaikkan martabat bahasa Melayu di serata dunia, Pusat Bahasa Modern & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan program syarahan umum “Perkamusan, Kamus dan Kamus Online” oleh Profesor James T. Collins yang merangkap sebagai Profesor Bahasa Melayu serta Pengarah Pusat Pengajian Asia Tenggara di NIU di Dewan Kuliah 2, UMP pada 29 Jun 2011 lalu.

Menurut Dekan PMBSK, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham, program syarahan umum ini dirancang untuk mengambil manfaat daripada kepakaran dan kerja-kerja akademik Profesor James T. Collins serta menjadi medan untuk bertukar-tukar maklumat dan pandangan dengan beliau khususnya dalam bidang bahasa Melayu bagi memartabat dan memperkasakan lagi bahasa Melayu di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sepanjang syarahan umum berlangsung, banyak input menarik telah dikongsi oleh beliau berkenaan kepentingan bahasa Melayu, asal usul bahasa Melayu, serta beliau turut menerangkan projek perkamusan *online* yang giat dibangunkan sekarang.

“Bahasa Melayu merupakan bahasa yang sangat penting di Asia Tenggara dan bagi memahami apa itu Islam yang sebenarnya, rakyat di dunia harus mempelajari bahasa Melayu kerana di Malaysia, banyak buku-buku tentang Islam ditulis dalam bahasa Melayu,” jelas beliau yang sedang berkhidmat sebagai *Editor Online Multimedia Learner’s Dictionary of Malay* iaitu sebuah projek khas Kementerian Pendidikan Amerika Syarikat sejak Ogos 2009.

Turut hadir menyaksikan syarahan tersebut Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan pengurusan tertinggi universiti.





InECCE UMP bincang isu tenaga alternatif

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Elektrikal, Kawalan dan Kejuruteraan Komputer (InECCE 2011).

Program yang berlangsung selama dua hari itu diadakan di Hotel Hyatt Regency Kuantan Resort pada 21 Jun 2011 yang lalu.

Seminar bertemakan "Kejuruteraan dan Teknologi Hijau untuk Kelestarian Pembangunan Global" itu dihadiri terdiri daripada peserta daripada ahli akademik dan profesional untuk berkongsi kepakaran dalam bidang elektrikal, kawalan dan kejuruteraan komputer.

Bersempena dengan seminar tersebut juga turut diadakan Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam yang disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz yang mewakili Naib Canselor UMP.

Menurut Profesor Dr. Badhrulhisham, persidangan ini dapat membuka peluang kepada para penyelidik untuk menambahkan pengetahuan dan kepakaran yang mesra teknologi dalam persekitaran yang lestari.

"Kejuruteraan hijau boleh didefinisikan sebagai penerapan persekitaran terhadap nilai, etika dan prinsip yang digabungkan dengan sains, teknologi serta kejuruteraan dalam persekitaran yang global."

Sementara itu, kelestarian bermaksud kesinambungan kehidupan manusia dengan

menggunakan sumber-sumber di muka bumi ini tanpa merosakkan persekitaran untuk masa akan datang.

Beliau juga berkenan menyampaikan anugerah kertas kerja terbaik mengharapkan penganjur persidangan dapat menghasilkan teknologi dan kejuruteraan hijau yang boleh mengekalkan sumber yang sedia ada demi masa hadapan generasi akan datang.

Katanya, penganjur seminar ini selari dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dalam memelopori inisiatif penyelidikan melalui hubungan universiti-industri.

Sementara itu, menurut Pemangku Dekan FKEE, Ir. Zulkeflee Khalidin, kerjasama antara penyelidik dan ahli akademik menangani isu berkaitan elektrikal, kawalan dan kejuruteraan komputer ini dapat menjalinkan suatu jaringan dalam mencari jalan penyelesaian terbaik.

Sebanyak 101 pembentang hadir melibatkan peserta daripada Malaysia, Australia, Jerman, Bangladesh, India, Iran, Libya, New Zealand, Pakistan, Korea Selatan, Thailand, Indonesia dan Filipina.

Peserta daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerima anugerah kategori Kejuruteraan Elektrikal Sistem dan bagi kategori Kejuruteraan Sistem Kawalan dan Instrumentasi dimenangi Siti Maryam Sharun dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Turut menerima anugerah Low Tang Jung dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) bagi

kategori Kejuruteraan Sistem Komputer. Manakala, rakannya Fadzrul Izuddin Abd. Aziz menang kategori Anugerah Khas Kejuruteraan dan Teknologi Hijau.

Hadir menyampaikan ucap tama adalah Profesor dari University of Sheffield, Profesor Dr. M.O Tokhi yang membicarakan mengenai Kawalan Bunyi dan Getaran dan Profesor David Chang dari Hong Kong Polytechnic University yang menyentuh mengenai Biometrik: Cabaran dan Pembangunan Era Baharu.

Persidangan berakhir dengan pembentangan kertas kerja daripada Profesor Pelawat UMP, Datuk Ir (Dr) Zaidee Laidin yang membicarakan mengenai tajuk "Keperluan Tenaga Alternatif: Isu Loji Nuklear" bagi melihat kepentingannya dan impak kepada negara.

Beliau turut mengetengahkan senario sumber tenaga di Malaysia pada masa hadapan dan mencadangkan kemungkinan pilihan sumber tenaga lain yang boleh menggantikan nuklear.

Katanya, pelaksanaan penggunaan tenaga alternatif memerlukan usaha semua pihak termasuk kerajaan, para saintis dan penyelidik serta kesedaran rakyat berkenaan sumber tenaga alternatif.

Hadir sama Profesor Anjung UMP, Dato' Dr. Ir. Abu Hashim Abdul Ghani dan Pengerusi Persatuan Komputer IEEE, Seksyen Malaysia, Mohamed Rawidean Mohd. Kassim.



30 delegasi BAKORMA lawat UMP

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan lawatan rasmi delegasi daripada Badan Koordinasi Kemahasiswaan (BAKORMA). Seramai 30 orang di kalangan Pengarah dan Timbalan Pengarah mewakili 15 Politeknik seluruh Indonesia telah berkunjung ke UMP Gambang pada 9 Jun 2011 yang lalu.

Kunjungan bersempena Forum Direktor Politeknik Se-Indonesia yang merupakan program tahunan BAKORMA itu melibatkan penyertaan daripada Politeknik Bangka Belitung, Politeknik Batam, Politeknik Pertanian Pankep, Politeknik Negeri Tual, Politeknik Pertanian Samarinda, Politeknik Negeri Bali, Politeknik Pertanian Payakumbuh dan Politeknik Manufaktur Bandung.

Turut serta adalah Politeknik Pontianak, Politeknik Negeri Manado, Politeknik Perkapalan Surabaya, PL31 Medan, LP3M Medan, Politeknik MBP dan Politeknik Negeri Medan.

Ketibaan delegasi yang diketuai Dr. Benny Benyamin Nasution daripada Politeknik Negeri Medan itu disambut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan

Teknologi, (FKKPT), Profesor Ir. Dr. Md. Yusof Ismail dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Zulkafli Hassan.

Turut hadir Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abd. Jalil Borham dan Pemangku Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ir. Zulkiflee Khalidin.

Profesor Dr. Badhrulhisham turut memberi taklimat ringkas mengenai latar belakang universiti dan pengajian akademik di UMP.

"UMP ketika ini menerima pelajar institusi kemahiran iaitu lepasan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) untuk beberapa program tertentu," kata Profesor Dr. Badhrulhisham semasa sesi perbincangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Senat UMP.

Beliau berkata, institusi politeknik di Malaysia juga sedang melalui fasa pemantapan dan pembaharuan sesuai dengan kedudukannya sebagai institusi utama dalam pengajian Pendidikan dan Latihan Vokasional dan Teknikal (TVET).

Sementara itu menurut Dr. Benny, kunjungan badan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman, memperkukuh

hubungan dan mendapatkan peluang dalam membangunkan bidang pendidikan di negara ini.

Katanya, selain UMP delegasi BAKORMA juga akan berkunjung ke Universiti Sains Malaysia (USM) dan Politeknik Seberang Prai bagi menjalinkan kerjasama dalam bidang kemahasiswaan dan pengajian akademik.

Menurut beliau, pihaknya berhasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan UMP dalam bidang pengembangan sumber manusia dan pengajian lepasan diploma Pendidikan Tiga dan Empat dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang bersesuaian dengan bidang kepakaran politeknik masing-masing.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Politeknik Perkapalan Surabaya, Fais Hamzah berkata, pihaknya yang memfokuskan kejuruteraan mekanikal sangat tertarik dengan kemudahan makmal di UMP dan berhasrat menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertukaran pelajar serta pembangunan kemahiran insaniah bagi melahirkan pelajar yang kompeten.

Delegasi berpeluang melawat makmal FKKSA dan FKKPT serta sekitar kampus sebelum meneruskan lawatan selama tiga hari di Malaysia.

Post Graduates Week 2011

– Pendedahan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian siswazah

Oleh: NOR SABRINA ISMAIL

Buat julung kalinya, Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Postgraduate Club (POSTAC) telah menganjurkan program yang julung kalinya di adakan iaitu Postgraduate Week 2011 bermula pada 7 hingga 9 April 2011.

Objektif program ini diadakan adalah untuk mempromosikan program siswazah kepada warga UMP dan masyarakat luar di samping mempamerkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh pelajar.

Program tiga hari itu telah menarik minat warga UMP dan masyarakat luar yang ingin mendapatkan informasi mengenai program pengajian siswazah.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah Pertandingan Poster Penyelidikan (*Research Poster Competition*), Hari Terbuka Pengajian Siswazah (*Open Day 2011*) serta Majlis Makan Malam dan Apresiasi bersama Naib Canselor.

Seramai 138 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah telah mengambil bahagian di dalam Pertandingan Poster Penyelidikan. Pemilihan pemenang bagi pertandingan ini diadili oleh 11 orang panel yang dilantik yang merupakan ahli akademik yang mempunyai latar belakang yang cemerlang dalam aspek penyelidikan & pembangunan dalam bidang masing-masing.

Di samping itu juga, Hari Terbuka Pengajian Siswazah yang dianjurkan ini turut memberi peluang kepada peserta yang hadir mendengar penerangan mengenai program pengajian siswazah dan penyelidikan di UMP.

Menurut Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Profesor Datin Dr. Nasly Mohamed Ali, penyertaan beberapa peserta daripada Kolej Universiti Shahputra, Kolej Antarabangsa IKIP, Kolej Komuniti Kuantan dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Kuantan telah memberikan satu impak yang positif untuk menarik minat mereka menyambung pengajian di UMP kelak.

“Mereka juga turut didedahkan mengenai peluang dan potensi dalam bidang penyelidikan di UMP selain mendapatkan informasi mengenai bantuan kewangan yang ditawarkan kepada calon yang layak, selain didedahkan mengenai program pengajian siswazah,” ujar beliau.

Kemuncak bagi program ini adalah Majlis Makan Malam dan Apresiasi bersama Naib Canselor UMP yang turut dihadiri oleh wakil fakulti, penyelia utama, para panel penilai dan para pelajar pengajian siswazah.

Menurut salah seorang pelajar Doktor Falsafah, Muhammad Khan, program ini amat baik dilaksanakan pada setiap tahun untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan pelajar di samping dan

menganggap bahawa cabaran dan pengorbanan menjadi seorang pelajar siswazah penyelidikan di UMP akan dapat diharungi jika mendapat sokongan daripada semua pihak.

Di akhir program, Naib Canselor, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim telah menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Poster Penyelidikan.

Keputusan penuh pertandingan adalah seperti berikut

1. Poster Terbaik Kategori Teknikal (PhD)

Tempat Pertama : Marmy Roshaidah Mohd. Salled
(PhD Kimia)

Tempat Kedua : Hazrizulrizawati Abdul Hamid
(PhD Kimia Industri)

Tempat Ketiga : Siti Sofiah Mohd. Radzi
(PhD Elektrik)

2. Poster Terbaik Kategori Teknikal (Sarjana)

Tempat Pertama : Raja Saravana
(Sarjana Kejuruteraan – Elektrik)

Tempat Kedua : Nor Hazimmah Abd. Halim
(Sarjana Kejuruteraan – Mekanikal)

Tempat Ketiga : Nurul Ain bt. Ramli
(Sarjana Sains – Kimia Industri)

3. Poster Terbaik Kategori Bukan Teknikal (PhD)

Pemenang : Ali Ashgar Jomah
(PhD Pengurusan Teknologi)

4. Poster Terbaik Kategori Bukan Teknikal (Sarjana)

Pemenang : Wu Jing
(Sarjana Pengurusan Teknologi – Sumber Kapital Manusia)

5. Pemenang Idea Terbaik (Teknikal)

Pemenang : Norasyidah Harun
(Sarjana Sains (Kimia Industri))

6. Pemenang Idea Terbaik (Bukan Teknikal)

Pemenang : Liu Yao
(PhD Pengurusan Teknologi)

Dalam pada itu, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) turut menerima Hadiah Khas berikutan komitmen dan kerjasama di dalam memeriahkan program Hari Terbuka Pengajian Siswazah dengan dekorasi dan persembahan gerai terbaik.

MLCC tawar kursus bahasa Mandarin untuk staf



Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengorak langkah memperkenalkan kursus Bahasa Mandarin di kalangan staf dalam usaha untuk meningkatkan kredibiliti dan kebolehan dalam menguasai bahasa ketiga ini.

Menurut Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abdul Jalil Borham, kursus ini bertujuan untuk menambahkan kemahiran komunikasi dan menguasai pelbagai bahasa kepada staf UMP.

“MLCC yang ditubuhkan pada Januari lalu merupakan inovasi UMP yang dijangka dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di Wilayah Pantai Timur melalui jaringan kerjasama dengan universiti di China.

“Kini MLCC menawarkan tiga program iaitu program kemahiran asas bahasa Mandarin, kursus jangka pendek dan program perniagaan dan terjemahan.

“Universiti Hebei akan menghantar tiga guru bahasa Mandarin untuk bersama-sama menjayakan program ini,” tambah beliau lagi ketika berucap semasa merasmikan Kursus Bahasa Mandarin dan Majlis Penyerahan Penajaan Akhbar Sin Chew Daily di Dewan Seminar baru-baru ini.

Beliau juga amat gembira dengan

komitmen pihak akhbar Sin Chew Daily yang turut menyokong usaha MLCC dengan menaja akhbar Sin Chew Daily atau Sin Chew Jit Poh sebagai bahan rujukan warga universiti sehingga penghujung tahun ini.

Manakala menurut penyelaras program MLCC, Chong Ah Kow, kursus jangka pendek yang ditawarkan ini akan diadakan setiap hari Rabu mulai jam 10 pagi hingga 1 petang di Makmal Multimedia Bahasa, PBMSK.

“Pada peringkat asas ini, 15 peserta sudah mengesahkan pendaftaran dan mereka akan mempelajari perbendaharaan kata dan kemahiran berbahasa yang mudah untuk digunakan dalam komunikasi kehidupan seharian,” jelas beliau.

Majlis turut menyaksikan acara penyerahan akhbar Sin Chew Daily yang disampaikan Naib Presiden Persekutuan Alat tulis dan Penjual Buku, Albert Tey Tong Sing kepada Profesor Dr. Abdul Jalil Borham.

Hadir sama Pengurus Bahagian Pantai Timur, Sin Chew Daily, Tan Kee Seng, Perancang program pendidikan Akhbar Sin Chew Daily, Bahagian Pantai Timur, Tan Kian Seng, Bendahari, Zainudin Othman, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan Timbalan Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Mohd Nubli Abdul Wahab.

“Kini MLCC menawarkan tiga program iaitu program kemahiran asas bahasa Mandarin, kursus jangka pendek dan program perniagaan dan terjemahan”.

- Profesor Dr. Abdul Jalil Borham



UMP tuan rumah Sesi Dialog MQA bersama IPT di Zon Timur

Seramai 150 pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sekitar Pantai Timur hadir menjayakan program sesi Dialog bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertempat di Bilik Auditorium, Perpustakaan UMP pada 22 Julai 2011 yang lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Dato' Syed Ahmad Hussein yang mempengerusikan sesi dialog berkata, program ini dapat memberi peluang pihaknya menerangkan peranan dan mendapatkan maklum balas pelajar mengenai jaminan kualiti akademik selain mendekatkan pihak MQA dengan pelajar.

Katanya, MQA merupakan agensi baharu yang ditubuhkan dengan penggabungan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi mengawal kualiti kursus pengajian di IPTS dengan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi bagi kendalian penilaian jaminan kualiti program di IPTA.

"MQA ditubuhkan untuk menjadikan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi Malaysia terletak di bawah satu agensi tunggal yang tidak membezakan semua IPT yang terdiri daripada IPTA, IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti dan IPT di bawah kementerian lain.

MQA juga adalah pemegang amanah bagi Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) yang merupakan 'perlembagaan' dalam program pengajian tinggi negara.

Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah syarat kemasukan, standard yang perlu dipatuhi setiap IPT sebelum dianugerahkan dengan status akreditasi serta perlunya pemantauan yang lebih ketat oleh MQA terhadap IPT agar kebajikan pelajar lebih terjamin.

Sementara itu, menurut Timbalan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Syazwan Sahar, program ini banyak memberi impak positif kepada peserta yang hadir.

"Pelajar mendapat gambaran jelas mengenai fungsi dan tugas-tugas MQA terutamanya melibatkan pengiktirafan akademik dalam bidang pengajian di universiti masing-masing," katanya.

Dato' Syed Ahmad sebelum itu berpeluang bertemu Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bagi membincangkan hal ehwal akademik universiti.

UMP, SIRIM sepakat bangunkan teknologi Nano

Menyedari kepentingan pembangunan teknologi nano di negara ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Sirim Malaysia Berhad (SIRIM) menjalinkan kerjasama dalam pemindahan teknologi dan latihan serta menjalankan penyelidikan secara bersama bagi menggalakkan pembangunan teknologi ini.

Hubungan kerjasama ini juga melibatkan pembangunan sumber manusia melalui latihan dan pertukaran kepakaran antara kedua-dua organisasi.

Selain UMP, SIRIM juga menjalinkan kerjasama dengan universiti dari Korea Selatan, *AJOU University* dan *Iran University of Science and Technology (IUST)*.

Majlis menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) yang diadakan bersempena Persidangan Penyelidikan dan Pengkomersialan Teknologi Nano Antarabangsa (ICONT 2011) di Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu, Sabah pada 7 Jun 2011.

Dalam majlis ini UMP diwakili Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, manakala Sirim diwakili Timbalan Presiden, Bahagian Penyelidikan dan Teknologi, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof dengan disaksikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johny Ongkili.

Menurut Datuk Seri Dr. Maximus berkata, pihak Kerajaan memutuskan untuk mewujudkan beberapa pusat kecemerlangan (COE) bagi teknologi nano bagi membina kekuatan penyelidikan negara dan ianya menggalakkan pembangunan selanjutnya.

"MOSTI sedang menilai pusat-pusat teknologi nano yang akan dilantik sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan COE.

"Kini wujud keperluan yang besar untuk membina keupayaan penyelidikan di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-sembilan dan sehingga 2010, kerajaan telah melabur kira-kira RM140 juta bagi geran penyelidikan dan pembangunan yang dikhususkan bagi penyelidikan teknologi nano.

"Malaysia kini mempunyai 16 pusat penyelidikan yang memfokuskan kepada penyelidikan teknologi nano yang melibatkan seramai 450 penyelidik," katanya.

Manakala menurut Profesor Dr. Mashitah, kerjasama melibatkan FSTI dan Pusat Penyelidikan Industri Teknologi Nano (INTeRC) ini, UMP bakal menjalankan projek integrasi strategik dalam pengajaran, penyelidikan dan pembangunan bahan termaju dengan memfokuskan penggunaan nano bahan bagi aplikasi tenaga boleh diperbaharui.

Selain itu, katanya kedua-dua pihak berhasrat untuk bekerjasama lebih rapat dalam mendapatkan geran kebangsaan dan antarabangsa bagi bidang bahan termaju termasuk pembangunan prototaip.



Program teknologi memerlukan badan pengiktirafan sendiri

Dasar Sains dan Teknologi Kedua yang dilancarkan pada tahun 2003 telah menyediakan rangka kerja untuk mempertingkatkan lagi produktiviti dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Dasar ini juga menjurus kepada pengukuhan perkongsian pintar dan penjana sinergi antara agensi kerajaan, industri, universiti dan institusi penyelidikan. Dasar ini telah meletakkan tujuh strategi bagi memastikan pelaburan yang dibuat di dalam bidang sains dan teknologi mencapai matlamat dan pulangan yang tinggi. Antara strategi yang digariskan termasuklah dalam memastikan penyebaran dan aplikasi teknologi secara meluas. Ini bagi menyumbang kepada peningkatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang didorong oleh pasaran untuk membina dan meningkatkan kecekapan serta kepakaran di dalam bidang-bidang teknologi yang baharu.

Dasar ini dengan jelas menekankan bahawa negara akan mengurangkan kebergantungan kepada modal insan asing dan teknologi yang dipinjam dari negara luar. Teknologi memainkan peranan penting dalam pembangunan negara ke arah mencapai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Penggunaan serta pembangunan teknologi mapan merupakan aspek yang penting dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti bagi semua sektor ekonomi seperti pembuatan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Ekoran daripada pembangunan negara yang pesat, keperluan modal insan dalam bidang teknikal yang terlatih semakin meningkat.

Teknologis merupakan istilah yang digunakan bagi graduan yang telah menerima pendidikan dan latihan bidang teknologi seperti teknologi pembuatan,

teknologi automotif dan lain-lain. Namun terdapat juga teknologis yang bukan di dalam bidang teknikal seperti bioteknologi, teknologi agro-bio dan lain-lain lagi. Teknologi dapat didefinisikan sebagai suatu ilmu yang berkaitan dengan perindustrian serta merupakan ilmu sainsunaan yang mempunyai nilai ekonomi. Teknologis pula merupakan individu yang menggunakan pengetahuan saintifik untuk penyelesaian masalah secara praktikal.

Profesyen Teknologis boleh dilihat sebagai satu profesyen yang terhasil akibat peningkatan pesat jumlah dan kepelbagaian bidang teknologi serta yang berkaitan yang boleh diguna pakai dalam penyelesaian permasalahan berkaitan sains dan teknologi. Negara yang maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman dan Korea telah mengiktiraf profesyen kumpulan kerja ini walaupun dikenali dengan pelbagai nama lain. Terdapat pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang boleh digunakan bagi program teknologi. Sebagai contohnya penggunaan Washington Accord bagi program kejuruteraan di Amerika Syarikat, Sydney Accord di Australia bagi program teknologi kejuruteraan dan Seoul Accord di Korea Selatan bagi pengiktirafan program sains komputer dan teknologi maklumat.

Menurut Model Inovasi Negara seperti yang diperkenalkan oleh Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia (MOSTI) pada tahun 2007 turut menyatakan mengenai keperluan kepakaran dalam bidang sains dan teknologi dalam menggerakkan ekonomi negara ke arah ekonomi berprestasi tinggi. Justeru MOSTI telah menggariskan bidang-bidang utama teknologi yang boleh dibahagikan kepada sembilan domain,

iaitu:

- (a) Industri
- (b) Kejuruteraan
- (c) Kesihatan dan Keselamatan
- (d) Maklumat dan Komunikasi
- (e) Olahraga dan Rekreasi
- (f) Pengangkutan
- (g) Rumah/ Kediamaan
- (h) Sains Gunaan
- (i) Tentera

Sehingga kini, sejumlah lebih 90 program akademik yang berasaskan teknologi ditawarkan oleh 16 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk yang bersifat teknikal seperti teknologi kejuruteraan dan bukan teknikal seperti teknologi kreatif. Jumlah ini tidak termasuk program yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Berdasarkan statistik tahun 2008 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi juga menunjukkan bilangan graduan dari bidang sains dan teknologi yang dihasilkan oleh IPTA sejak dari tahun 2002 hingga 2008 adalah seramai 177,549 orang. Dari jumlah ini, satu per tiga darinya merupakan graduan dari program kejuruteraan yang diiktiraf secara profesional oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Selebihnya, merupakan graduan sains dan teknologi yang sangat memerlukan satu badan profesional dan lembaga akreditasi khusus untuk mengiktiraf program sains dan teknologi. Badan atau Lembaga yang bakal ditubuhkan ini akan seiring dengan perkembangan yang berlaku di peringkat antarabangsa dan sekaligus akan memberikan ruang yang lebih fleksibel bagi graduan negara bersaing di pasaran antarabangsa.



Justeru, MOSTI dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah merangka penubuhan sebuah badan pengiktirafan program teknologi yang dikenali sebagai Lembaga Teknologis Malaysia atau Malaysian Board of Technologist (MBOT). Tujuan penubuhan lembaga ini dilihat bagi mengakreditasi program bidang teknologi di samping mengawal selia dan menentukan pengiktirafan dan akreditasi program teknologi selaras dengan standard atau *Accord* antarabangsa seperti *The European Federation of National Engineering Associations* (FEANI) dan *Sydney Accord*. MBOT juga berperanan memberikan status profesional kepada graduan dalam bidang teknologi sebagaimana Lembaga Jurutera Malaysia memerikan status P.Eng (Professional Engineers) kepada graduan-graduan yang telah menyempurnakan latihan profesional mereka. Dalam pada itu, lembaga ini akan memainkan peranan utama bagi mengiktiraf kerjaya Teknologis termasuk menentukan hala tuju kerjaya ini dan mengawal selia mutu Teknologis yang dihasilkan oleh negara. Hakikatnya kelak, peranan lembaga ini secara keseluruhan

mampu memperkasakan pendidikan teknikal dalam transformasi Politeknik, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan transformasi pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) di Malaysia.

Dalam pada itu, penubuhan *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang menawarkan program serta mengeluarkan graduan Teknologis Kejuruteraan berkemahiran tinggi turut menyokong bagi memperkasakan program teknologi kejuruteraan sebagai sebuah program profesional. Berdasarkan situasi semasa di Malaysia, daripada 100,000 Jurutera yang dihasilkan, 80 peratus daripada mereka sebenarnya menjalankan kerja Teknologis Kejuruteraan. Ianya menyebabkan peluang pekerjaan amat terhad disebabkan tugas berkenaan telah diambil alih oleh Jurutera berikutan kerjaya ini tiada pengiktirafan oleh mana-mana badan profesional [hasil kajian "*Study on the Status and Future Direction of Engineering Technology in Malaysia*" (Abang Abdullah et. al 2009)]. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2006) dan Universiti Kuala Lumpur (2009) menunjukkan 90 peratus majikan

dalam sektor perindustrian memerlukan jurutera yang berasaskan aplikasi berbanding jurutera konvensional.

Berdasarkan kepada cadangan kerangka MBOT, ianya akan berfungsi sebagai dua mekanisme bagi tujuan akreditasi iaitu *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) dan *Skills Accreditation Council* (SAC). Proses pengakreditasi bagi program-program pengajian peringkat Sarjana Muda dalam bidang Teknologi di IPT akan dikendalikan oleh ETAC manakala akreditasi bagi program latihan di peringkat Diploma dan Diploma Lanjutan dalam bidang kemahiran di Institusi Pendidikan Latihan Vokasional (TVET) pula dikendalikan oleh SAC.

Justeru, adalah diharapkan agar penubuhan MBOT dapat direalisasikan dan seterusnya mampu memperkasakan Teknologis Kejuruteraan sebagai satu profesion profesional. Secara tidak langsung, ianya dapat menyumbang kepada Tenaga Kerja Mahir (berpengetahuan, kompeten dan inovatif) seperti mana yang diperlukan untuk pembangunan Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020.

ICT BUSINESS CENTRE OFFICE



ICT Business Centre bantu tingkatkan perkongsian dan pengetahuan IT

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melancarkan *ICT Business Centre* sebagai usaha meningkatkan perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat (IT) bagi faedah masyarakat setempat pada 28 Julai 2011 yang lalu di Dewan Astaka, UMP.

Dengan penubuhan pusat ini, UMP akan terus memacu kecemerlangan universiti dalam bidang teknologi maklumat sebagai salah satu inisiatif UMP untuk meletakkan universiti ini di persada antarabangsa.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, penubuhan ICT Business Centre ini akan mengkomersialkan produk dan perkhidmatan ICT termasuk semua sumber yang ada di Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP).

Selain itu, pusat ini akan dapat melaksanakan pencapaian Pelan Strategik UMP dalam merangka bidang keberhasilan utama universiti bagi menjana kelestarian kewangan.

"UMP mempunyai tenaga pakar IT berpengalaman lebih 10 tahun dan usaha ini membolehkannya berkongsi ilmu dan kemahiran dengan organisasi lain khususnya institusi pendidikan dalam dan luar negara.

Beliau juga mengharapkan penubuhan pusat ini akan merealisasikan hasrat universiti bagi menjana pendapatan universiti selaras dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah khidmat konsultansi dan produk ICT kepada organisasi luar melibatkan IPT, pusat latihan dan jabatan kerajaan serta menjayakan konsep 'outsourcing' yang diperkenalkan Kerajaan.

Sementara itu, menurut Pengarah Urusan ICT Business Centre, Prof. Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd, penubuhan pusat ini pastinya bukan sahaja memberi manfaat kepada staf di jabatan PTKM malah melibatkan semua warga universiti.

Secara tidak langsung ianya akan mewujudkan budaya kerja korporat kepada staf PTKM dan dapat melahirkan lebih ramai perunding mengikut kepakaran pensyarah yang ada di universiti.

Katanya, pelajar juga turut mendapat manfaat dengan memberi peluang untuk menjalani latihan industri dan sama-sama terlibat dalam memasarkan produk ICT.

Hadir sama di program berkenaan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Professor Dr. Abdul Jalil Borham, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Profesor Dr. Jailani Salihon dan Pengarah Urusan UMP Holding, Nasirudin Nasrun.



Semarak Ramadan rai anak yatim dan pelajar

Program Semarak Ramadan Al-Mubarak Universiti Malaysia Pahang (UMP) anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) berjaya menghidupkan majlis sambutan Ramadan pada tahun ini.

"Pengisian majlis keilmuan seperti ini sesuai dengan peranan universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu dalam membangunkan aspek spiritual bagi melahirkan pelajar yang berkualiti," kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah semasa menyampaikan ucapan perasmian pada majlis berkenaan di Dewan Astaka UMP pada 4 Ogos 2011 yang lalu.

Menurut Dato' Saifuddin, MPP perlu berperanan dan berganding bahu untuk sama-sama membentuk akhlak dan keperibadian yang baik di kalangan generasi muda dalam menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang.

"Penganjuran Forum Ihya Ramadan yang menampilkan barisan penceramah serta moderator yang terkenal seperti Ustaz Fauzi

Mustapha, Imam Muda Hassan dan Imam Muda Asyraf yang membincangkan mengenai amalan berpuasa mampu meningkatkan pemahaman dalam menjalani ibadah puasa menjelang bulan Ramadan," katanya.

Beliau turut berbangga dengan penglibatan pelajar sendiri dalam mengusahakan program yang dapat memberikan manfaat kepada komuniti terutamanya di kalangan pelajar sekolah dan IPT sekitar Kuantan.

Sementara itu, Yang di-Pertua MPP, Muhamad Fazli Abd. Halim berkata, penganjuran Semarak Ramadan sebagai satu usaha pihak MPP dalam merealisasikan hasrat universiti dalam memasyarakatkan kampus.

"Selain dapat berbuka puasa beramai-ramai turut dianjurkan Malam Simfoni Ramadan yang melibatkan persembahan nasyid daripada kumpulan UNIC dan program bangun malam, Qiamullail.

Menurutnya, pihaknya berbangga dengan komitmen rakan-rakan MPP yang dapat menganjurkan program sungguhpun di waktu pelajar sedang bercuti semester.

Dalam majlis ini, Dato' Saifuddin turut menyampaikan cek sumbangan UMP sebanyak seribu ringgit kepada pelajar Pusat Pendidikan Islam An-Nur dan sumbangan duit raya kepada 30 anak-anak yatim dari Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang di Gambang.

Muhamad Fazli mengharapkan sedikit sumbangan yang diberikan kepada golongan yang memerlukan ini di bulan mulia ini dapat meringankan beban dan kesulitan yang dihadapi oleh anak-anak kecil ini.

Lebih 500 pelajar daripada IPT sekitar Kuantan termasuk Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Kolej Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah (KIPSAS), Maktab Rendah Sains MARA Kuantan, Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan pelajar UMP hadir memeriahkan sambutan dan majlis berbuka puasa.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr Badhrulhisham Abdul Aziz, Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.

Perubahan *mindset* penting untuk pupuk minat dalam dunia penyelidikan

- Profesor Dr. Zahari

PROFIL

Nama : Profesor Dr. Zahari bin Taha
Tarikh lahir : 21 September 1960
Tempat lahir : Kuala Lumpur
Pendidikan : PhD (Wales)(1987), University of Wales, Cardiff, UK
BSc (Engineering) (Hons 2nd Class 1st Div.)(Bath)(1983), Bath University, Bath, UK, Diploma (postgraduate), International Islamic University Malaysia (IIUM)
Jawatan : Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP

Pencapaian

- 1) Naib Presiden, Asia Pacific Industrial Engineering and Management Society, sejak Disember 2010
- 2) Felo, Akademi Sains Malaysia, sejak 2008
- 3) Chartered Engineer, The Engineering Council, United Kingdom, sejak 2001
- 4) Ahli, The Institution of Engineering Designers, United Kingdom, sejak 2001
- 5) Tempat Pertama, Best Education and Training, MSC Apicta, 2006
- 6) Pingat Emas, Automotive Technology, ITEX 2005
- 7) Pingat Emas, EUREKA 2006, Belgium
- 8) Pingat Emas EUREKA 2008, Belgium
- 9) Anugerah Hitachi Research Fellowship, Hitachi Foundation 1992
- 10) Anugerah Saintis Muda Negara, 1997.



Memulakan kerjayanya dalam dunia akademik sebagai seorang tutor di Universiti Malaya (UM) pada tahun 1983, kini beliau menyambung pula kudrat dan kepakarannya untuk berbakti di Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai seorang Dekan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) bermula pada Mac 2011.

Beliau yang dimaksudkan ialah Profesor Zahari Taha, 51 tahun, yang menjadi pilihan *Create* kali ini untuk didedikasikan dalam ruangan Personaliti Pilihan. Ternyata personaliti beliau yang begitu cintakan dunia penyelidikan dan seorang yang bersemangat tinggi sangat bermanfaat sekali untuk dipaparkan di ruangan ini supaya dapat dijadikan "*role model*" untuk generasi penyelidik muda negara ini amnya dan UMP

khususnya.

Bertitik tolak daripada cita-citanya untuk menjadi seorang juruterbang, telah mendorong beliau untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang *Advanced Manufacturing Technology* yang menjadi asas kepada penglibatan beliau dalam dunia akademik. Walaupun cita-cita asalnya untuk menjadi seorang juruterbang tidak kesampaian, namun langkah yang diaturlah untuk menjadi sebahagian daripada warga akademik merupakan pilihan yang sangat tepat dibuat oleh beliau.

UMP Begitu Istimewa

Walaupun telah memulakan perkhidmatannya dalam dunia akademik di UM dan pernah menyangang jawatan yang

sama sebagai seorang dekan, namun atas dasar semangat cintakan dunia penyelidikan telah mendorong anak kelahiran Kuala Lumpur ini untuk terus menyambung baktinya di UMP yang dianggapnya sangat istimewa dan berpontesi menjadi satu-satunya universiti teknologi utama di Malaysia.

Rentetan penglibatan beliau dalam kerja hakiki sebagai pensyarah dan kerja-kerja sampingan sebagai perunding dengan pihak industri dan aktiviti akademik di peringkat antarabangsa, telah menyakinkan beliau bahawa sudah sampai masanya untuk beliau berhijrah untuk menabur bakti di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain pula yang berpotensi untuk membangun ke peringkat

lebih tinggi lagi.

Dalam hal ini, dari kaca mata seorang penyelidik, beliau merasakan UMP mempunyai potensi yang besar untuk menjadi universiti teknikal terulung di Malaysia memandangkan kedudukannya yang strategik yang berdekatan dengan sumber industri seperti industri minyak, petrokimia dan marin yang terdapat di sepanjang Pantai Timur ini.

Menurut beliau juga, dengan berdiri megahnya kampus tetap UMP di Pekan, yang menjadi lambang kebanggaan UMP sangat sesuai sekali untuk menjalinkan hubungan dengan industri automotif yang sememangnya giat dijalankan di Pekan yang juga dikenali sebagai Taman Automotif Pekan.



“Yang lebih menariknya mengenai UMP ini ialah ia berdekatan dengan tepi lautan yang menjadi faktor penarik utama kepada saya untuk menjalankan penyelidikan yang sedang saya usahakan dalam bidang tenaga elektrik dan ombak,” jelas beliau.

Beliau menegaskan lagi, sebelum berkhidmat di UMP beliau pernah menjadi pemeriksa luar kepada Jabatan Kejuruteraan Pembuatan yang begitu berkomited tinggi untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran dengan menawarkan program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik kerjasama dengan Universiti di Jerman, Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (Hska) yang amat membanggakan sekali. Dengan itu, beliau berkeputusan untuk turut sama menyertai perjalanan cita-cita ini demi menaikkan nama UMP di peringkat antarabangsa.

Pembudayaan Penyelidikan di UMP

Disifatkan sebagai “orang lama” dalam dunia penyelidikan, Profesor Dr. Zahari dilihat sebagai seorang yang cukup matang dalam hal ehwal akademik dan penyelidikan yang mampu menaikkan lagi nama UMP dalam

dunia penyelidikan.

“Perubahan *mindset* dari budaya hanya mengajar kepada budaya menyelidik adalah penting dalam memupuk minat dan kreativiti para pensyarah untuk melibatkan diri dalam dunia penyelidikan yang begitu besar ertinya buat UMP,” jelas Profesor Dr. Zahari buat semua warga akademik di UMP.

Tambah beliau lagi, setiap pensyarah seharusnya berfikir di luar ruang kerja mereka kerana penyelidikan bukan sahaja bertujuan untuk menghasilkan sesuatu yang baharu tetapi ia juga dapat membantu meluaskan minda pendidik dalam proses pengajaran.

Hal ini kerana hasil penyelidikan itu dapat menghubungkan ilmu yang diterokai dengan apa yang diajar di dalam kuliah supaya mudah dijelaskan dan difahami oleh para pelajar.

Selain itu, penyelidikan itu yang akan mempunyai pelbagai peringkat dan tata cara untuk diperkenalkan seperti diterbitkan, dihasilkan menjadi produk, dipatenkan dan sebagainya merupakan refleksi kepada pencapaian ilmiah sesuatu universiti yang bakal menentukan kedudukan UMP dalam dunia akademik.

Rahsia Kejayaan

“Rahsia kejayaan yang dipegang oleh saya selama ini ialah berdisiplin dan bersemangat tinggi dalam melaksanakan apa jua tugas yang perlu dilakukan,” tutur beliau yang berkongsi rahsia kejayaan.

Beliau menegaskan sikap berdisiplin dalam menjalankan sesuatu perkara amat penting untuk memastikan perkara tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya. Beliau amat mempraktikkan disiplin diri dalam proses pengajaran bagi membahagikan masa yang secukupnya untuk menyediakan bahan pengajaran semasa memasuki dewan kuliah dan juga memberi fokus pada penyelidikan yang dibuat agar mengikuti apa yang telah diaturkan.

Bagi memperluaskan lagi cabang ilmu supaya dapat menghasilkan penyelidikan yang bermutu tinggi, penyelidik harus konsisten dalam mengulang kaji ilmu baharu dalam dunia penyelidikan dan juga tidak hanya memfokuskan kepada satu bidang sahaja. Setiap bidang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan secara tidak langsung, ia bukan sahaja memberi ilmu baharu tetapi menimbulkan minat yang lebih untuk menerokai ilmu tersebut yang mungkin saling berkaitan dengan apa yang sedang diusahakan dan menjadikan penyelidikan itu lebih berinovasi dan kreatif.

Harapan dan Hasrat

Perkembangan UMP dewasa ini amat membanggakan sekali apatah lagi setelah visi dan misi telah ditukar kepada yang baharu yang boleh mencetuskan semangat warga UMP untuk merealisasikan impian menjadi

universiti teknologi pilihan utama dunia.

....setiap pensyarah seharusnya berfikir di luar ruang kerja mereka kerana penyelidikan bukan sahaja bertujuan untuk menghasilkan sesuatu yang baharu tetapi ia juga dapat membantu meluaskan minda pendidik dalam proses pengajaran.

Oleh itu, beliau meletak harapan yang sangat tinggi untuk melihat setiap warga UMP berganding bahu serta komited untuk menyuburkan pelan strategik yang telah digariskan untuk menjadi panduan kepada setiap warga UMP.

“Saya juga berharap setiap warga UMP dapat membentuk sikap dan budaya kerja profesional sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa dan memupuk minat untuk mendalami bidang penyelidikan kerana melalui penyelidikanlah UMP mampu menghasilkan *output* pengajaran dan penyelidikan yang berkualiti tinggi serta dapat menyumbang kepada kemajuan negara,” ulas beliau dengan panjang lebar sebelum mengakhiri sesi temu ramah ini.

Dengan ini, kami di Sidang Editorial *Create* mengucapkan terima kasih kepada Profesor Dr. Zahari Taha atas kesudian meluangkan masa untuk ditemu ramah dan semoga segala impian dan hasrat beliau menjadi kenyataan.





Cenderamata..... Naib Canselor menyampaikan cenderamata kepada YAB Perdana Menteri sempena Ekspedisi Jelajah Berbasikal 1 Malaysia Pekan-Putrajaya.



Sasaran..... Naib Canselor sedang menjalani latihan menembak di Lapang Sasar PSTLDM Pelabuhan Kuantan.

Gotong-royong..... Antara pelajar yang turut serta menjayakan aktiviti penyediaan makanan untuk program berbuka puasa bulan ramadan di UMP.



Meriah..... Suasana selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan mewarna sempena Kejohanan Sepaktakraw Utusan-KFC 2011 yang diadakan di UMP Kampus Gambang.



Semangat..... peserta Ekspedisi Berbasikal Jelajah 1 Malaysia Pekan-Putrajaya berkayuh melalui Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur.



Anugerah..... Naib Canselor menyampaikan hadiah kepada antara penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UMP 2010.



Sambut..... sebahagian ahli keluarga angkat menyambut ketibaan kumpulan pelajar NIU di Felda Lepar Hilir 2.



Bergaya..... antara peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Pakaian Beragam pada Hari Keluarga UMP 2011.



Sumbangan..... Pengerusi MATAHARI, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah menyampaikan sumbangan kuih raya kepada ahli-ahli persatuan.

Klik-Klik Lensa



Prof. Dr. Yuserrie dilantik Komandan Kor Suksis yang baharu

Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dilantik sebagai Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Majlis pemakaian pangkat disempurnakan Ketua Polis Pahang, DCP Dato' Sharifuddin Ab. Ghani di Dewan Astaka Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 11 Mei 2011 yang lalu.

Menurut DCP Dato' Sharifuddin, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mensasarkan lebih ramai di kalangan pelajar universiti dapat menceburkan diri dalam karier kepolisian sebaik sahaja menamatkan pengajian di IPTA.

"Penglibatan dalam Kor Suksis ini mampu memasyarakatkan PDRM dengan menyampaikan objektif, strategi dan mekanisme dalam membendung peningkatan kadar jenayah seterusnya memelihara keamanan negara," katanya dalam Majlis Pemakaian Pangkat Komandan dan Majlis Peramian Pejabat Kor Suksis UMP anjuran Kor Suksis UMP dan Pusat Ko-Kurikulum Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SaffAd).

Beliau berkata, penglibatan pelajar dalam



pasukan Kor Suksis ini juga pastinya dapat membentuk keperibadian dan sahsiah diri.

Malah, ianya juga akan melahirkan kalangan pakar jurutera dan teknologis yang lebih bertanggungjawab dan peka terhadap keamanan negara.

DCP Dato' Sharifuddin turut mengharapkan anggota-anggota Kor Suksis ini menjadi mata dan telinga yang boleh dimanfaatkan bersama demi kesejahteraan dan kelangsungan universiti ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada mantan Komandan Kor Suksis, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham yang menjadi perintis penubuhan Kor Suksis UMP dan juga ucapan tahniah atas pelantikan Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin sebagai Komandan Kor Suksis yang baharu.

Terdahulu beliau hadir merasmikan pejabat Kor Suksis yang terletak di Blok B2 yang berfungsi menyelaras operasi di kalangan jurulatih dan pegawai penyelaras dalam merangka program dan aktiviti badan beruniform ini.

Profesor Dr. Yuserrie dalam ucapannya berkata, beliau berhasrat meneroka peluang baru bersama PDRM dan akan berusaha

meneruskan kecemerlangan Kor Suksis UMP yang diiktiraf cemerlang dalam bidang kesukarelawan dan akademik.

Sejak penubuhan Kor Suksis empat tahun lalu, UMP mempunyai seramai 146 pelatih yang terdiri daripada 64 siswa dan 82 siswi. Kini seramai 24 pelatih telah ditauliahkan Inspektor Kor Suksis.

Selain Kor Suksis, UMP mempunyai pasukan Pasukan Palapes Laut dan Siswa Perkhidmatan Awam (SISPA).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penglibatan mahasiswa dalam pasukan Kor Suksis ini akan dapat melatih bakal graduan menjadi pemimpin yang mempunyai disiplin yang tinggi bagi mencorak pimpinan masa depan.

Lebih 100 anggota Kor Suksis hadir meraikan majlis pentauliahkan ini yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Ketua Cawangan Khas Pahang, SAC Dato' Riduan Hashim, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, SAC Narenasagaran a/l Thangaveloo dan Timbalan Komandan Kor Suksis yang juga Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim.



UMP capai 5 bintang penarafan data Mymohes



“.....data yang dikumpul ini perlu dianalisa dan dijadikan sebagai penanda aras untuk pencapaian Pelan Strategik UMP.”

*- Profesor Dr. Shamsudin Baharin
Pegawai Bahagian Hubungan Industri,
Jabatan Pengajian Tinggi*

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperoleh tempat pertama dengan pencapaian lima bintang dalam penarafan bagi penghantaran data semester kedua sesi 2010/2011 melalui sistem

Peraturan bagi Penyelenggaraan Data untuk Sistem Maklumat Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan IPTA (MyMoheS) baru-baru ini.

MyMoheS merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian Data atau maklumat antara KPT, Institusi pengajian tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan lain-lain agensi kerajaan yang memerlukan keseragaman maklumat.

Justeru, bagi menghargai komitmen staf yang berusaha bersungguh-sungguh dalam mencapai kejayaan ini, seramai 100 staf UMP dirai dalam Majlis Apresiasi MyMoheS yang disempurnakan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim di Caribbean Ballroom, Bukit Gambang Resort City pada 30 Jun 2011 yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, dengan pelaksanaan sistem ini pertukaran data antara agensi dengan KPT dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik, mudah dan cepat.

“Sistem MyMoheS ini membantu universiti dan pihak kementerian dalam menyediakan perancangan, menggubal dasar dan membangunkan sistem pangajian tinggi dengan lebih berkesan,” katanya.

“Pelaksanaan amalan budaya kerja cemerlang yang meletakkan keutamaan dan rasa kebersamaan harus diteruskan untuk kelestarian organisasi dan seiring dengan matlamat utama sebagai penggerak agenda Pelan Strategik UMP 2011-2015,” katanya.

Beliau berbangga dengan pengiktirafan UMP mencapai lima bintang iaitu dengan markah 97.79 peratus bagi memenuhi kriteria seperti ditetapkan pihak KPT sekaligus meletakkan UMP berada di kedudukan pertama dari keseluruhan IPTA.

Apatah lagi penarafan semula yang dilaksanakan baru-baru ini melonjakkan pencapaian UMP kepada 100 peratus.

Namun, katanya pencapaian ini harus dikekalkan dan terus memperkasakan kecemerlangan demi keunggulan organisasi.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dr. Shamsudin Baharin berkata, data yang dikumpul ini perlu dianalisa dan dijadikan sebagai penanda aras untuk pencapaian Pelan Strategik UMP.

Katanya, UMP perlu memberi

keutamaan terhadap pencapaian terhadap bidang keberhasilan universiti termasuk penjenamaan untuk penajajaran strategik bagi mengenengahkan nama UMP ke khalayak masyarakat.

“lanya dapat merealisasikan hasrat UMP sebagai universiti teknologi bertaraf dunia.

“Penguasaan inovasi dalam teknologi maklumat dan komunikasi sejak penubuhannya pada tahun 2002 di UMP menerusi aplikasi e-Management yang dibangunkan untuk pelajar, warga kerja dan pemegang taruh ini banyak membantu dalam menyelaras serta proses pengumpulan data secara berkesan.

“Kaedah penarafan bintang yang diperkenalkan KPT ini bertujuan melihat tahap kesediaan IPTA dalam pengurusan dan pembekalan data mengikut kategori tempoh masa penghantaran, kesempurnaan dan kualiti data. lanya berasaskan data pelajar, staf, penyelidikan, perundingan, pengkomersialan dan maklumat institusi,” katanya lagi.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



61 pelajar FKP sertai Program Apprentis MAI



Seramai 61 pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengikuti program apprenticeship dengan kerjasama Institut Automotif Malaysia (MAI) sejak Januari lalu berjaya menamatkan program fasa 1 dalam melengkapkan sesi latihan Kejuruteraan Acuan dan Pembentukan Logam sebelum penempatan di industri automotif tempatan.

Mereka akan menjalani latihan selama empat bulan dalam industri berbeza melibatkan syarikat Sipro Plastik Industri, Technologies Sanko Permintex, Industri Delloyd, Burnmark Sdn Bhd, Autokeen dan Miyazu (M) Sdn Bhd., APM Plastics, Ingress, Miyazu, Sapura, Sugihara dan WSA Engineering.

Majlis penyampaian sijil tamat latihan disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YB Dato' Jacob Dungau Sagan pada 16 Mei 2011 yang lalu di Dewan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP Kampus Pekan.

Hadir sama disertai Ketua Pegawai Eksekutif MAI, Madani Sahari dan Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Pahang, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang mewakili Naib

Canselor.

Menurut Dato' Jacob dengan kerjasama antara pihak IPT dan industri ini, beliau percaya UMP akan menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan dalam melahirkan lebih ramai jurutera yang kompeten menjelang tahun 2015.

Program kerjasama MAI dengan UMP ini melibatkan pelajar tahun tiga daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang berpeluang menjalani program apprenticeship Plastik Industri (*Mould Engineering*), Industri Logam (*Die Engineering*) dan *Lean Manufacturing Systems*.

Sementara itu, menurut Madani, program apprenticeship ini dapat mengurangkan jurang yang dikenal pasti bagi memenuhi keperluan industri negara dalam menghasilkan jurutera yang pakar dengan kemahiran khusus yang relevan dalam industri automotif dan pelajar ditekankan dengan kemahiran insaniah serta budaya kerja dalam industri.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam teks ucapannya berkata, program apprenticeship ini terdiri daripada tiga tahap yang mana pada empat bulan pertama di tahap 1, pelajar didedahkan tentang cara kerja dalam

industri automotif, kemahiran yang relevan dan budaya kerja industri yang melibatkan pengajian subjek akademik universiti dan tenaga pengajar dari industri yang diselaras oleh pihak MAI.

"Tahap 2 melibatkan program penempatan latihan industri dan pelajar akan menghabiskan masa selama empat bulan mendapatkan pengalaman berharga bekerja dengan syarikat automotif berkaitan.

"Tahap 3 berlangsung pada September nanti dan pelajar akan memulakan projek industri yang disahkan oleh organisasi terlibat.

"Selain itu, pelajar akan mengikuti kuliah dan pada masa yang sama menyiapkan projek di organisasi masing-masing," katanya.

Sehingga kini, program apprenticeship ini melibatkan seramai 120 bakal jurutera daripada dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan UMP.

Pihak MAI berharap untuk memperluaskan program ini ke seluruh negeri dan melibatkan industri berdasarkan komponen automotif. Ini dijangka akan menghasilkan lebih ramai jurutera mahir bagi membantu meningkatkan daya saing industri automotif tempatan.

Hari Keluarga rapatkan ikatan antara staf

Hampir 1,000 warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir bersama keluarga memeriahkan sambutan Hari Keluarga UMP pada tahun ini anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) di Perkarangan Kompleks Sukan UMP pada 11 Jun 2011 yang lalu.

Penganjuran aktiviti sukaneka yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu peringkat kanak-kanak dan dewasa ternyata meriahkan suasana serta berjaya merapatkan ikatan kekeluargaan di kalangan warga kerja UMP.

Antara acara yang dipertandingkan bagi kategori peringkat kanak-kanak adalah membawa bola ping pong dalam sudu, memancing botol, merebut kerusi bermuzik dan baling belon air.

Lebih menarik, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak dan Peraduan Pakaian Beragam bertemakan 1 Malaysia menyaksikan pelbagai ragam dan aksi kanak-kanak dalam menjayakan acara.

Acara sukaneka peringkat dewasa juga turut menggamatkan acara apabila masing-masing menunjukkan kehebatan dalam merebut gelaran juara dalam acara boling bola ragbi, lari dalam guni, lari kaki tiga, susun bata, menganyam ketupat dan sambut sayang.

Program dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut hadir Pengerusi BKSS, Haji Mustafa Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Badrulhisham Abd Aziz, Timbalan Pengerusi BKSS, Ir Zulkeflee Khalidin dan Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee.

Haji Mustafa berkata, program ini merupakan satu pendekatan untuk memanfaatkan masa kualiti di antara warga UMP bersama keluarga masing-masing.

"Sambutan hari keluarga seperti ini berupaya menjadi medan menyatukan antara staf bersama keluarga," jelas beliau.

Menurutnya, pertemuan dalam suasana santai dan mesra mewujudkan semangat ukhuwah yang baik seterusnya membolehkan staf dapat saling mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

Katanya, selama ini staf mungkin sibuk dengan tugas masing-masing sehingga sukar menjalankan aktiviti bersama keluarga, namun dengan adanya program sebegini secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti riadah yang menyihatkan.

"Secara tidak langsung staf dapat mengenali antara satu sama lain memandangkan keluarga UMP sudah semakin besar dan jumlahnya kini mencapai 1,600 orang," katanya.

Selain itu, acara cabutan bertuah turut menawarkan lebih 400 hadiah menarik untuk dimenangi termasuk motosikal, loket emas, perabot jati, peralatan elektrik dan pelbagai hadiah lain.

Penerima hadiah utama, Penolong Akauntan dari Jabatan Bendahari, Ramlee Ab. Hamid berkata, beliau tidak menyangka dapat membawa pulang sebuah Motor Yamaha Ego S.

Beliau menganggap ianya sebagai hadiah sumbangan dari UMP untuk majlis perkahwinannya yang bakal berlangsung tidak lama lagi.



pertemuan dalam suasana santai dan mesra mewujudkan semangat ukhuwah yang baik seterusnya membolehkan staf dapat saling mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.



Majlis Berbuka Puasa bersama media erat hubungan

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berpeluang bermesra bersama wartawan, jurugambar dan pengamal media dalam Majlis Berbuka Puasa bersama media yang diadakan di Hotel Vistana Kuantan pada 22 Ogos 2011 yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, pertemuan ini memberi kesempatan untuk memperkukuh hubungan dan menghargai kerjasama yang dibina antara kedua-dua pihak.

Peranan media sebagai pengantara dalam menghubungkan dan menyebarkan maklumat dalam membantu UMP menjayakan program-program anjuran universiti," katanya.

Pada majlis itu juga, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan sumbangan kuih raya kepada wakil agensi media.

Hadir sama, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Madya Zulkafli Hassan, Pengarah Pembangunan dan Pusat Islam (PIMPIM), Dr. Hasan Ahmad, Ketua Biro Berita Harian, Razak Rauf, Ketua Biro Utusan Malaysia, Yusri Sahat dan Ketua Biro Bernama, Shukri Ishak.

Majlis menyaksikan hampir 60 tetamu mewakili 15 agensi media sekitar Kuantan hadir memeriahkan sambutan berbuka puasa sempena bulan Ramadan Al-Mubarak ini.





UMP martabatkan bahasa Melayu

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan Program Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa (BMfIS) bagi membantu pelajar antarabangsa mendalami Bahasa Melayu, mempelajari sejarah, kesenian dan kehidupan rakyat Malaysia.

Program ini adalah lanjutan daripada memorandum persefahaman (MoU) yang diadakan antara UMP dan NIU baru-baru ini dalam membentuk jaringan kerjasama khususnya dalam meneroka kepakaran dalam menubuhkan program teknologi kejuruteraan.

Selain itu, jalinan kerjasama ini juga berkisar mengenai program pertukaran pelajar, sangkutan jangka pendek staf akademik program berkembar dan mobiliti pelajar.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, sebagai program perintis, ianya melibatkan pelajar Northern Illinois University (NIU) yang dikendalikan bersama Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Pejabat Antarabangsa.

"Program dijalankan selama enam minggu mulai 1 Jun ini melibatkan seramai lapan pelajar yang mempunyai latar belakang akademik yang berbeza, antaranya dalam bidang Antropologi, Sains Politik, Sejarah dan Pengajian Musik Etno.

"Pelajar ditempatkan bersama keluarga angkat masing-masing di Kampung Lepar Hilir 2 dan sepanjang program akan didedahkan mengenai kesultanan Melayu, makanan tradisional negeri Pahang, budaya masyarakat Malaysia, industri kampung dan sejarah warisan negara ini," katanya dalam majlis ramah mesra bersama peserta

program di Dewan Bankuet, Canseleri pada 1 Jun 2011 yang lalu.

Menurutnya, apabila bangsa asing menunjukkan minat untuk menguasai bahasa Melayu, ia merupakan satu penghormatan kepada bangsa Melayu.

Beliau mengharapkan yang terbaik agar pengalaman di Malaysia, terutamanya di Kuantan ini akan terus terpahat di hati peserta apabila pulang ke negara mereka.

Manakala Dekan PBMSK, Profesor Dr Abd Jalil Borham berkata, sembilan pelajar UMP dilantik sebagai fasilitator dengan dibantu empat tenaga pengajar dari PBMSK menggunakan modul pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan bahan-bahan autentik dengan cara yang lebih berkesan.

Katanya, PBMSK berhasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang aktif untuk pelajar antarabangsa.

"Malahan, program ini akan menjadi sebagai penghubung kefahaman dan persefahaman antara budaya serta mencetus idea baru dalam usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu di kedua-dua universiti ini," ujar beliau.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Asia Tenggara NIU, Profesor James T. Collins berkata, beliau sangat berpuas hati dengan usaha dan ketekunan kedua-dua pihak dalam memastikan program ini menjadi realiti dengan persiapan yang luar biasa.

Menurut Profesor Collins, beliau mengharapkan agar dapat menerokai lebih banyak program kerjasama selepas ini nanti.

Peserta program, Coral Carlson, 58 yang memiliki ijazah sarjana dalam tiga bidang iaitu Pentadbiran Awam, Pengajian Polisi dan

Sejarah teruja untuk mempelajari tentang budaya Melayu dan peranan masyarakat setempat di Asia Tenggara, termasuk di negeri Pahang.

Katanya, umur bukan halangan untuk terus mempelajari sesuatu yang baharu.

Sementara itu bagi pelajar yang mengikuti pengajian Sejarah, Brett McCabe, 35 berkata, beliau pernah menjalankan kajian tulisan jawi di Kelantan dan kini berhasrat untuk mendalami bahasa Melayu dan tulisan jawi di sini.



Pelajar turut berpeluang melawat kilang keropok di Tanjung Lumpur, Pusat Tenun Pahang, Muzium Sungai Lembing dan menyertai lawatan industri Kilang HICOM di Pekan.

Manakala pada hujung minggu pelajar akan melakukan aktiviti bersama keluarga angkat dan menyertai aktiviti luar seperti menaiki bot di sungai Kuantan, melawat Taman Negara Pahang serta berpeluang bergotong-royong dalam persiapan perkahwinan mengikut adat tradisi Melayu.

NIU adalah pusat utama pengajian bahasa Melayu di Amerika Syarikat dan sehingga kini universiti berkenaan berjaya menganjurkan program pengantarabangsaan di Malaysia, Brunei dan Thailand.

Hadir sama di majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan pegawai-pegawai utama universiti.



UMP hargai staf cemerlang dan jasa dikenang

Seramai 111 staf yang mencapai prestasi cemerlang sepanjang tahun lalu menerima wang tunai, cenderahati dan sijil sebagai tanda penghargaan daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) sempena majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 dan Jasa Dikenang pada 8 Jun 2011 yang lalu.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim di Dewan Astaka UMP kepada seramai 68 staf lelaki dan 43 staf wanita.

Menurut Dato' Daing Nasir, UMP amat menggalakkan budaya kerja cemerlang dan sangat menghargai sumbangan di kalangan warga kerjanya dalam meletakkan universiti ini cemerlang di persada global.

Dato' Daing Nasir berkata, penganugerahan ini menunjukkan komitmen berterusan pengurusan yang akan memberi semangat untuk warganya terus bekerja dengan lebih dedikasi dan menjadi pemangkin kepada kejayaan rakan-rakan lain.

Beliau turut menggariskan tujuh elemen penting dalam membentuk budaya dan pasukan berprestasi tinggi, antaranya melihat tugas sebagai rantaian proses kerja, menjajarkan warga kerja dengan hala tuju dan menyakini setiap individu adalah terbaik.

Elemen lain adalah melakukan penambahbaikan berterusan, mengaplikasikan wahana penambahbaikan kualiti

dan mengiktiraf sikap saling bergantung antara warga dengan fungsinya.

Dalam ucapannya, beliau turut menyarankan agar APC diberikan nafas baharu dengan meningkatkan lagi kategori anugerah yang diberikan sebagai pengiktirafan dan perlu diraikan seluruh warga universiti bagi menggalakkan semangat untuk terus bekerja dengan lebih dedikasi.

Dalam majlis yang sama, UMP turut meraikan dua warganya yang mencapai tempoh persaraan iaitu Profesor Dr. Ahmad Othman yang pernah dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) dan Profesor Madya Dr. Abdullah Ibrahim yang pernah menerajui Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (CAIC).

Profesor Madya Dr. Abdullah yang turut menerima anugerah perkhidmatan cemerlang kali ini banyak memberi sumbangan dalam mengendalikan ceramah pengajaran dan pembelajaran di kalangan pensyarah serta terlibat dalam mengendalikan kursus induksi dan kompetensi staf.

Hadir sama di majlis berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Bashrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



1,000 staf hayati semangat kemerdekaan



Hampir 1,000 di kalangan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir menyemarakkan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Mengibar Jalur Gemilang peringkat universiti yang disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 16 Ogos 2011 yang lalu.

Profesor Dato' Dr. Rosli dalam ucapannya yakin yang Jalur Gemilang akan sentiasa berkibar dengan megah dengan adanya semangat dan komitmen yang tinggi untuk sama-sama menjayakan sambutan seumpama ini.

"Adalah amat penting untuk kita menghayati sambutan kemerdekaan negara dengan penuh rasa kesyukuran atas nikmat keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan apatah lagi di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

"Saya menyeru kepada semua warga kerja UMP untuk mengibarkan Jalur Gemilang sama ada di rumah, pejabat atau kenderaan terutama sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan ini untuk membuktikan kesyukuran, penghargaan terima kasih kita kepada negara yang banyak memberikan peluang rakyat menikmati keamanan, kemakmuran, kebebasan dan kepesatan ekonomi secara harmoni," katanya.

Selain itu, beliau mengingatkan warga UMP untuk terus meningkatkan keupayaan diri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Ujar beliau lagi, sepanjang sambutan bulan kemerdekaan ini, UMP tidak ketinggalan menganjurkan program-program yang berbentuk patriotisme termasuklah Pertandingan Menghias Pejabat dengan Jalur Gemilang, bacaan Yassin, Tahlil, Solat Hajat dan Festival

Layang-layang Tradisional.

"Selain itu beberapa program khidmat masyarakat juga diatur bersama penduduk sekitar Daerah Pekan bagi membantu membaikpulih rumah penduduk kampung dan membersihkan kawasan perkuburan pahlawan negeri Pahang Darul Makmur iaitu Allahyarham Mat Kilau," katanya.

Dalam majlis itu juga, UMP turut mengadakan Forum Kemerdekaan yang menampilkan ahli panel yang terdiri daripada Pengarah Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Yang di-Pertua Persatuan Bekas Tentera Malaysia Cawangan Pahang, Kapten (B) Abdul Latiff Mohd Nor dan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Profesor Dr. Abd. Jalil Borham sebagai moderator bagi membincangkan tajuk "Memaknakan kemerdekaan untuk masa depan yang cemerlang".

APUCEN eratkan hubungan masyarakat kampus dengan komuniti luar



Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat juluang kalinya terlibat dalam program Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) yang diadakan pada 13 hingga 14 Julai 2011 bertempat di The Gurney Hotel, Pulau Pinang yang melibatkan beberapa buah universiti dalam dan luar negara untuk turut serta dalam pameran tersebut.

Bertemakan “*Moving Forward Through University-Community Engagement*”, APUCEN dilihat mampu menjadi pemangkin dalam mengeratkan hubungan masyarakat kampus dengan komuniti luar melalui penganjuran program-program khidmat masyarakat dan sukarelawan.

Dalam program kokurikulum, UMP turut diwakili oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin sebagai salah seorang ahli jawatankuasa APUCEN.

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Saifuddin Abdullah, beliau menyokong usaha baik setiap universiti dalam memberikan khidmat bakti kepada masyarakat setempat yang membuktikan bahawa universiti bukan sahaja sebagai sebuah entiti memberi pendidikan tetapi turut melahirkan insan yang prihatin dengan keadaan masyarakat sekeliling.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan program APUCEN 201. Beliau juga turut menyatakan pujian dan penghargaan buat UMP sewaktu melawat gerai pameran UMP, di atas usaha yang dilakukan oleh mahasiswa menerusi program Kembara Hati Siswa, Kampung Nyentil anjuran Sekretariat Mahasiswa Anak Pahang yang berkampung selama 4 empat hari di kawasan berkenaan.

Selain itu, program kemasyarakatan di kampung Nyentil juga turut mendapat perhatian daripada universiti lain kerana kesungguhan mahasiswa dan pihak universiti dalam menyediakan kemudahan asas di kampung tersebut seperti pembinaan tandas, pemeriksaan kesihatan, baikpuluh gelanggang takraw dan sebagainya.





UMP, NIU

jalin kerjasama tawar program Teknologi Kejuruteraan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Northern Illinois University (NIU) dalam menawarkan program teknologi kejuruteraan pada 20 Mei 2011 yang lalu di De Kalb Illinois, Amerika Syarikat.

Majlis MoU ini ditandatangani Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd Aziz manakala NIU diwakili oleh Eksekutif Naib Presiden, Dr Raymond W.Alden III dan Provost Bersekutu, Program Antarabangsa, Dr Deborah Pierce.

Hadir sama menyaksikan majlis, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di kampus NIU De Kalb, Illinois.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, MoU ini merealisasikan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi agar setiap universiti anggota jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) mensasarkan penawaran 60 peratus program teknologi dan 40 peratus program kejuruteraan menjelang tahun 2015.

"Penawaran program ini adalah selaras dengan aspirasi dan inisiatif Kerajaan Malaysia dalam menghasilkan lebih ramai graduan Jurutera Praktikal atau Teknologis yang mampu memenuhi keperluan pasaran kerja masa kini melalui penawaran

program teknologi kejuruteraan.

"UMP mengorak langkah proaktif meneroka peluang bersama dengan institusi luar negara bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak kementerian menerusi kerjasama bersama Northern Illinois University (NIU).

"Pemilihan NIU adalah berikutan pengalaman luas mereka menawarkan program berbentuk teknologi kejuruteraan di samping program kejuruteraan yang dilaksanakan oleh College of Engineering and Engineering Technology (CEET) yang diiktiraf badan pengiktirafan USA." katanya

Jelas beliau lagi, kerjasama ini secara tidak langsung dapat membantu UMP khususnya untuk memberi nilai tambah ke atas program teknologi kejuruteraan yang akan ditawarkan mulai tahun 2012.

lanya juga dapat memberikan nilai tambah ke atas program teknologi kejuruteraan yang akan ditawarkan melalui pembangunan kurikulum dan kursus secara bersama serta memastikan program yang ditawarkan kelak mendapat pengiktirafan oleh badan pengiktirafan di peringkat antarabangsa, iaitu American Board for Engineering and Technology (ABET).

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dr, Morshidi Sirat dan pengurusan tertinggi NIU.





“.....jika dahulu hasil jualan harian kasar yang diterima sehari tidak sampai RM500 namun kini pendapatannya pernah mencapai RM1,500 sehari.”
- Nurul Jannah Ahmad



“.....enam buah rumah berhampiran dengan rumahnya yang disewakan kepada pelajar UMP yang tinggal di luar kampus dengan kadar sewa RM350 sebulan.”
- Wan Kembang Wan Muda

UMP permata di hujung muara, Kuala Pahang bertukar wajah

Tiada siapa yang menyangka kawasan yang sebelum ini ditimbuni bukit pasir lapan tahun lalu bertukar wajah menjadi sebuah pusat ilmu di perkampungan Kuala Pahang, dengan beroperasinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak Julai tahun lalu.

Jika dahulu perkampungan di Kuala Pahang ini yang rata-rata masyarakatnya menjadikan hasil laut sebagai mata pencarian utama, namun kini penduduknya boleh tersenyum melihat deretan rumah sewa dan memiliki perniagaan sendiri dengan membuka perniagaan makanan, membuka kedai membaiki motorsikal atau kedai runcit.

Kewujudan kampus UMP di Pekan ini juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di daerah Pekan sama ada yang bekerja sebagai kontraktor pembersihan, pengawal keselamatan ataupun pekerja di universiti berkenaan.

Lima belas tahun lalu, Kedai Kopi Ismail milik Nurul Jannah Ahmad, 34, tiada bezanya dengan kedai makan lain di kawasan Kuala Pahang. Namun, itu cerita lama.

Kedai kopi yang diusahakan bersama suaminya Ismail Abdullah, 45, terletak berdekatan UMP kini sudah mempunyai ramai pelanggan yang terdiri daripada pekerja binaan, warga kampus dan orang ramai yang berulang-alik di situ.

Katanya yang setia berniaga di situ, jika

dahulu kawasan perkampungan ini jarang dikunjungi orang luar, namun kini banyak berubah. Suasana di waktu pagi juga agak sibuk dengan kenderaan bas yang mengangkut pelajar dari UMP Gambang ke Pekan.

Menurut Jannah, jika dahulu hasil jualan harian kasar yang diterima sehari tidak sampai RM500 namun kini pendapatannya pernah mencapai RM1,500 sehari.

Rutin hariannya ibu kepada empat cahaya mata ini cukup sibuk dengan menyediakan juadah hampir 20 menu lauk kampung, ikan bakar dan asam pedas pada setiap hari.

“Selain itu, pelanggannya juga dapat menikmati masakan panas bersama keropok lekor dan Air Batu Campur pada sebelah petangnya,” katanya.

Beliau kini mempunyai sepuluh pekerja yang membantunya dalam menjalankan perniagaan bermula dari awal pagi hingga ke tengah malam.

Katanya, dahulu kedai ini hanya dibuka bermula pagi hingga tengah hari namun kini terpaksa membuka kedai dari pagi hingga ke tengah malam atas permintaan pelanggan.

Lain pula ceritanya bagi pasangan warga emas yang telah menetap di Kuala Pahang sejak kecil, Wan Kembang Wan Muda, 63, bersama suaminya Sulaiman Hassan, 75.

Wan Kembang yang lebih dikenali dengan panggilan ‘Mak Ngah’ berkata, dahulu sumber

pendapatannya hanya dari hasil laut.

Namun kini beliau memiliki enam buah rumah berhampiran dengan rumahnya yang disewakan kepada pelajar UMP yang tinggal di luar kampus dengan kadar sewa RM350 sebulan.

Katanya, beliau amat bersyukur dengan usia sebegini sudah pasti tidak mampu untuk turun ke laut, namun pendapatannya daripada rumah sewa sudah cukup untuk menampung keluarganya.

Manakala menurut Penghulu Mukim Kuala Pahang, Ismail Othman, UMP menjadi pemangkin pembangunan pendidikan dan ekonomi masyarakat setempat di Kuala Pahang.

“Kita merasa gembira melihat UMP terus berkembang dan diperluaskan dengan wujudnya fakulti baharu dan penambahan kadar bilangan pelajar, tenaga pengajar serta staf yang ramai.

“Penduduk tempatan juga berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan di UMP sekurang-kurangnya sebagai staf dan mereka juga berpeluang menjalankan perniagaan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh pelajar universiti berkenaan,” ujarnya.

Kata beliau, sehingga kini nilai hartanah di kawasan berkenaan turut melambung tinggi kesan pembinaan UMP sejak setahun lalu.



Sinar ECER bantu masyarakat Orang Kita di Runchang



Keriang jelas terpancar pada wajah pelajar tahun 4, 5 dan 6 seramai 162 orang ini apabila mereka berpeluang berinteraksi bersama 20 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada ahli Kelab In-Smartive.

Program yang dinamakan Kilauan Mutiara Sinar ECER itu diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Runchang, Pekan pada 7 Julai 2011 yang lalu.

Program dikendalikan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) dan Kelab In-Smartive ini merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak ECER dengan memberi tumpuan kepada anak-anak peserta Taman Agropolitan Runchang di sini.

Peserta program ternyata amat bersemangat semasa menjayakan modul-modul yang dikendalikan oleh fasilitator UMP seperti "Gemuruh", "Bersyukurlah

Kita", "Di Kala Pena Menari" dan lain-lain.

Program sehari itu diteruskan dengan ceramah keibubapaan yang disampaikan oleh Pensyarah UMP yang juga Penasihat In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dengan tajuk "Yang Indah Itu Bahasa" kepada ibu bapa dan penjaga peserta program pada sebelah petangnya.

Menurut Pengarah Program Kilauan Mutiara Sinar ECER, Nurul Noramelya Zulkefli, program ini memberikan pendedahan yang amat bermanfaat kepada fasilitator yang kebanyakannya terdiri daripada mahasiswa baharu yang mendaftar dalam program diploma di UMP.

"Pihak In-Smartive turut berdepan dengan cabaran utama dalam memahami latar sosiobudaya peserta yang rata-ratanya berketurunan Orang Asli", ujar Noramelya yang merupakan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli UMP.

Sementara itu, Pengarah CENFED, Dr. Omar Jamaludin menyeru masyarakat

setempat untuk bersyukur dengan komitmen dan keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik murid sekolah di luar bandar melalui pelbagai program, termasuklah Sinar ECER ini.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan dalam majlis perasmian penutup program. Turut hadir dalam majlis ialah Penolong Kanan (Pentadbiran) Sekolah Kebangsaan Runchang, Anuar Zabidi Mohamed Ali, Penasihat Kelab In-Smartive UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Ketua Penyelaras Sinar ECER UMP yang juga Penolong Pendaftar Kanan CENFED, Zainal Bahari.

Program di Sekolah Kebangsaan Runchang ini merupakan sebahagian dari inisiatif kolaborasi UMP dan ECER melalui program Sinar ECER.

Selain itu, UMP turut menjayakan program tuisyen Sinar ECER di Sekolah Kebangsaan Lepar, Pekan yang juga dijayakan oleh fasilitator dari Kelab In-Smartive berakhir bulan Disember ini.



60 pelajar antarabangsa berkampung di Cherok Paloh

Perbezaan budaya, bahasa pertuturan dan negara tidak menghalang 60 pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk 20 pelajar tempatan menyertai program ramah mesra bersama penduduk kampung anjuran Pejabat Antarabangsa di Pantai Baru Cherok Paloh Pekan pada 3 Julai 2011 yang lalu.

Pelajar berpeluang menyelami kehidupan di kampung seperti memukat ikan, bermain bola bersama anak-anak penduduk kampung dan menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan surau, pantai, tanah perkuburan dan sekitar kawasan penempatan.

Tidak ketinggalan penyertaan di kalangan pelajar dan penduduk dalam menjayakan acara sukan rakyat iaitu; permainan congkak, sepak raga, tarik upih, terompah gergasi, tarik tali, pertandingan boling kelapa, mencari gula-gula dalam tepung dan lari ikat kaki ternyata cukup memeriahkan suasana.

Menurut, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, program ini adalah platform terbaik melibatkan penyertaan pelajar antarabangsa berinteraksi dan bergaul bersama komuniti setempat melalui pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan.

"Melalui program ini pelajar didedahkan tentang kehidupan masyarakat setempat dan mengeratkan hubungan bersama warga global luar universiti.

"Pelajar dapat menimba ilmu, memperoleh pengalaman, berkongsi budaya dan cara ini akan melahirkan mahasiswa yang berketerampilan dan berwibawa dari segala

aspek," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri berkata, pelajar dibahagikan beberapa kumpulan mengikut warna biru, hijau, merah dan kuning yang disertai pelajar dan penduduk kampung untuk mewujudkan kemesraan.

"Selain menyuntik semangat kesukarelaan di kalangan pelajar, program ini dapat mempromosikan nama UMP di kalangan masyarakat setempat," ujarnya.

Menurut pelajar dari Pakistan, Salman Ahmad, 32, buat pertama kalinya beliau menjala ikan dan ternyata pengalaman belajar menjala ini berhasil apabila beliau membawa pulang tiga ekor ikan.

Beliau yang meminati hidangan lauk ayam masak lemak cili api sungguh kagum dengan layanan penduduk kampung di sini.

Rakannya yang berasal dari China, Feng Li @ Halimah Daud, 22 pula berkata, beliau tidak akan dapat melupakan pengalaman bermalam dalam khemah di tepi pantai dan keseronokan mengenali kehidupan masyarakat yang kebanyakannya nelayan.

Beliau yang menyertai aktiviti membersihkan masjid berkongsi pengalaman, katanya, kebanyakan masjid di Malaysia ada menyediakan kemudahan telekung dan keadaan ini berbeza berbanding di tempat asalnya.

Katanya, masyarakat muslim di China hanya menggunakan tudung yang pelbagai warna untuk menunaikan solat dan tidak terdapat telekung di masjid.



Penduduk kampung, Zaharah Harun, 57, berkata, pihaknya amat gembira melihat kemesraan di kalangan anak-anak kampung berkenaan yang saling memahami dalam menjalankan aktiviti bersama pelajar antarabangsa ini terutamanya dalam menjayakan aktiviti sukan rakyat dan bermain bola sepak pantai.

Secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah dan memberi motivasi kepada anak-anak penduduk kampung untuk belajar hingga berjaya.

Ada ketikanya pula, pelajar antarabangsa ini cuba berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan kehadiran mereka ini dapat membantu dalam mempelajari tentang bahasa dan budaya Melayu bersama penduduk sekitar.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Pembangunan Keluarga & Hal Ehwal Wanita yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Inderapura, Yang Berhormat Dato' Shafik Fauzan Sharif hadir bagi merasmikan program berkenaan.

Turut hadir dan Ketua Kampung Cherok Paloh, Ali Adam.

Program turut mendapat kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia, pasukan Rela, Jabatan Maritim, Majlis Perbandaran Kuantan dan Jabatan Bomba di Kuantan.

Sehingga kini, UMP mempunyai seramai 162 pelajar yang terdiri daripada 13 buah negara seperti Indonesia, China, Iraq, Pakistan, Yemen, India, Bangladesh, Sudan, Uzbekistan, Libya, Somalia dan Republik Chad.



IN-TEAM bentuk wibawa kepimpinan pengawas SMK Pelabuhan

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

“Kami berjanji untuk berubah, kami sayang sekolah kami!,” demikianlah kata-kata ikrar seramai 80 orang pengawas dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pelabuhan, Kuantan setelah menempuh pengalaman mencabar dalam menjayakan Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) yang berlangsung selama tiga hari pada 18 Jun 2011 yang lalu.

Dengan ditunjangi semangat “Satu Untuk Semua, Semua Untuk Satu”, IN-TEAM yang dikelola oleh Kelab In-Smartive UMP bermatlamat membentuk daya kepimpinan, wibawa dan karisma para peserta untuk menjadi pemimpin yang efektif dan efisien di peringkat sekolah.

Ketika acara simbolik penyerahan rasmi peserta kepada pihak Kelab In-Smartive pada 16 Jun 2011 yang lalu, Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid) SMK Pelabuhan, Hasnah Mamat menyatakan bahawa iklim semasa disiplin dan jumlah pelajar yang ramai di sekolah tersebut memerlukan satu organisasi pengawas yang mantap untuk membantu pentadbiran sekolah menguatkuasakan peraturan.

Mengulas tentang IN-TEAM, Presiden Kelab In-Smartive, Mohamad Fakhrol Radzi Zolkefli menjelaskan bahawa program kali ini lebih menarik kerana julung-julung kali diadakan dalam kampus UMP.

Katanya, In-Smartive amat berterima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Bahagian Keselamatan, Penerbit UMP dan Pusat Kesihatan Pelajar (PKP) atas bantuan serta kerjasama yang telah dihulurkan.

Melalui penglibatan tenaga fasilitator

berpengalaman dari Kelab In-Smartive, para peserta diuji dari segi mental dan fizikal dengan pelbagai modul dan aktiviti interaktif seperti Tak Kenal Maka Tak Cinta, Mulanya Di Sini, D.I.C.E, Rihui Sekampung, The Burj dan Sayang Si Buta.

Lebih unik dan menarik, para peserta turut menikmati makanan yang disajikan di dalam talam secara berkumpulan sepanjang program berlangsung untuk mengeratkan ukhuwah di antara mereka.

Turut mengisi agenda IN-TEAM ialah ceramah kesedaran undang-undang yang menampilkan peguam dari Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam sebagai penceramah.

Mengakhiri program IN-TEAM, peserta menempuh pula aktiviti kembara di Bukit Sulai dengan diselia oleh para jurulatih dari Bahagian Keselamatan UMP.

Timbalan Pendaftar Saffad, Abdul Shukur Ishak hadir mewakili Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dalam menyempurnakan majlis penutupan IN-TEAM.

Dalam ucapannya, beliau menyeru In-Smartive untuk terus melangkah cemerlang sebagai pertubuhan mahasiswa yang aktif berteraskan prinsip 3K iaitu Kaunseling, Kepimpinan dan Kesukarelaan bagi memaknakan ungkapan “Mahasiswa Jurubicara Masyarakat”.

Pada majlis yang sama, pelajar tingkatan lima SMK Pelabuhan, Jovyner Denoshafry Anas Naser, 17 dan Anis Fazleen Azha, 17 diumumkan sebagai penerima Anugerah Peserta Terbaik IN-TEAM.

Turut hadir dalam majlis penutupan IN-TEAM ialah Pengetua SMK Pelabuhan, Noraini Md Salleh dan Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.





Saber harumkan nama UMP dalam Eco-Challenge 2012



Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mencipta kemenangan dalam Pertandingan Eco-Challenge setelah kereta yang digelar Saber dinobatkan juara dalam kategori reka bentuk dalam pertandingan anjuran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) baru-baru ini di Litar Sukan Bermotor Antarabangsa Melaka (MIMC), Air Keroh Melaka.

Pertandingan anjuran Perodua ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta dalam membina kenderaan khususnya dalam aspek pengurangan berat keseluruhan kenderaan (*weight reduction*), prestasi enjin serta aerodinamik kenderaan bagi setiap kenderaan untuk dimodifikasi mengikut kreativiti peserta.

Pasukan SAE pernah dinobatkan naib juara dalam kategori Transmisi Manual Jarak Jauh Myvi pada tahun 2010.

Penasihat Projek, Gan Leong Ming yang juga merupakan Pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berkata, pihaknya sungguh tidak menyangka menang dalam kategori reka bentuk dalam pertandingan ini.

Menurutnya, jika sebelum ini setiap pasukan diberikan sebuah kereta Perodua,

namun kali ini pihak penganjur hanya membekalkan enjin tiga selinder berkapasiti 660 cc, sistem transmisi dan wang tunai RM 17,500 untuk membina kenderaan masing-masing.

"Kejayaan ini hasil kerjasama, kesungguhan dan kreativiti pelajar yang terdiri daripada 16 peserta dalam menyiapkan projek ini," katanya.

Manakala menurut ketua pasukan, Nurul Faraheen Abd. Latif, berkata, usaha beliau dan rakan-rakan menyiapkan projek hingga menjelang jam lima pagi sungguh berbaloi.

"Saber dipilih bersempena tema harimau Malaya yang melambangkan semangat yang kuat dan berani menempuh cabaran.

"Projek ini dimulakan sejak enam bulan lalu dan pasukannya banyak menimba pengalaman terutamanya ketika berdepan dengan cabaran dalam persiapan akhir menyiapkan Saber.

"Namun hasil usaha dan berkat kesabaran ahli pasukannya, Saber berjaya disiapkan tepat pada waktunya setelah melalui saat sukar menjelang pertandingan.

"Sokongan moral dan fizikal dari rakan-rakan sepasukan dan pensyarah banyak membantu dalam menyiapkan projek ini,"

katanya.

Pertandingan yang merupakan acara tahunan Perodua ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM 77,000.00

Perodua Eco-Challenge kali ini mempertandingkan tiga kategori iaitu reka bentuk, kejuruteraan dan pemanduan paling jauh dengan menggunakan 0.5 liter minyak Petronas Primax Xtra 95.

Bagi johan kategori pemanduan paling jauh dimenangi Politeknik Ungku Omar (PUO) dengan jarak 24.7 km diikuti tempat kedua oleh Universiti Industri Selangor (Unisel) dengan jarak 19.1km dan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan jarak 17.4 km.

Manakala bagi kategori kejuruteraan pula dimenangi oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) diikuti USM dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

UMP yang menjuarai kategori reka bentuk membawa pulang wang tunai RM 5,000 diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) RM 3,000 dan RM1,000 Universiti Teknologi MARA (UiTM) di tempat ketiga.

Hadir menyaksikan pertandingan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Pengarah Urusan, Perodua, Datuk Aminar Rashid Salleh.

Kilauan Mutiara erat hubungan Kelab In-Smartive UMP, SK FELDA Purun



Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Seramai 80 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan FELDA Purun, Bera, Pahang berpeluang menimba pelbagai pengalaman menarik dalam Program Kilauan Mutiara 2011 yang diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Kuala Terengganu pada 15 Mei 2011 yang lalu.

Program tiga hari anjuran Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama UiTM Kampus Kuala Terengganu dan Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Terengganu itu berjaya mengeratkan hubungan yang sedia terjalin.

Program tahunan itu bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan keyakinan para peserta yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi.

Peserta dibimbing dengan pelbagai aktiviti melibatkan Latihan Dalam Kumpulan, Teknik Menjawab Soalan, Si Buta dan Muhasabah Diri di bawah bimbingan para fasilitator yang terdiri di kalangan pelajar UMP.

Menurut Presiden Kelab In-Smartive, Mohd Fakhrol Radzi Zulkefli, kejayaan pelaksanaan Program Kilauan Mutiara yang telah menjangkau tiga tahun kini terletak pada kekuatan kerjasama antara In-Smartive dan pelbagai pihak seperti Sekolah Kebangsaan FELDA Purun serta semangat khidmat para fasilitator yang mendukung prinsip 3K In-Smartive iaitu Kaunseling, Kepimpinan dan Kesukarelaan.

"Jika sebelum ini program ini tertumpu di dalam kawasan sekolah sahaja, kini pihak sekolah menampilkan komitmen yang lebih tinggi untuk membawa para peserta meluaskan perspektif minda melalui pelaksanaan program ini di luar," katanya yang juga merupakan pelajar tahun tiga Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas) UMP.

Selain itu, peserta turut dibawa melawat Taman Tamadun Islam yang merupakan antara tarikan utama pelancong yang datang ke Kuala Terengganu.



Sementara itu, Guru Besar Sekolah Kebangsaan FELDA Purun, Jamaluddin Mustafa berkata, setakat ini, sebanyak tiga generasi murid sekolah telah berjaya mengikuti Program Kilauan Mutiara ini sejak tahun 2009.

"Kami komited untuk terus menjadi sekolah angkat kepada Kelab In-Smartive UMP supaya program ini dapat terus dilaksanakan untuk mencelikkan minda anak-anak FELDA yang menuntut di sekolah ini," kata beliau lagi.

Majlis perasmian penutup disempurnakan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin di Dewan Sekolah Kebangsaan Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Dr. Yuserrie mengalu-alukan kerjasama erat yang telah terjalin antara UMP dengan Sekolah Kebangsaan FELDA Purun dan menggesa Kelab In-Smartive untuk meneroka peluang pembiayaan dana dari sumber tempatan dan antarabangsa sebagai nilai tambah kepada projek-projek anjuran kelab tersebut.

Katanya, Kelab In-Smartive merupakan antara kelab mahasiswa yang paling aktif

di UMP. Justeru, kelab ini harus mengorak langkah yang proaktif untuk menjadi kelab contoh di universiti ini.

Sementara itu, menurut Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, pihaknya sentiasa bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan mana-mana institusi atau organisasi, terutamanya pihak Jabatan Pelajaran Negeri atau sekolah.

"Satu lagi siri Program Kilauan Mutiara akan diadakan pada masa akan datang melibatkan calon-calon UPSR Sekolah Kebangsaan Ayer Kuning dan Sekolah Kebangsaan Chenderiang di Tapah, Perak dan disusuli dengan pengendalian Kem Interaksi Pemimpin Muda atau IN-TEAM untuk para pengawas Sekolah Menengah Kebangsaan Pelabuhan, Kuantan," ujar beliau yang juga penyarah di Jabatan Pengurusan Teknologi, UMP.

Sekolah Kebangsaan FELDA Purun ini merupakan yang ketiga seumpamanya bagi tahun 2011 setelah siri pertama Kilauan Mutiara di Sekolah Kebangsaan Pelindung, Kuantan pada bulan Januari dan siri kedua di Sekolah Kebangsaan Keratong 2, Rompin pada bulan April yang lalu.



UMP naib juara Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus melakar kejayaan apabila dinobatkan Naib Juara dalam Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin kali ke-11 yang berlangsung di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun baru-baru ini.

Pendebat UMP yang dibarisi Mohd Jumain Mapplati, Muhammad Qusyairi Hashim dan Siti Aisyah Mustapha selaku pihak pembangkang dalam mendebatkan "Usul penarafan universiti biasan kualiti" hampir menjuarai pertandingan, namun terpaksa akur apabila tewas berdepan dengan pendebat Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa) di peringkat akhir.

Namun, lebih membanggakan apabila pendebat UMP, Qamaruddin Mohd Fauzi, Siti Aisyah Mustapha, Muhammad Qusyairi Hashim dan Mohd Jumain Mapplati mengungguli senarai pendebat keseluruhan terbaik.

Peserta debat, Muhammad Qusyairi yang pernah dinobatkan pendebat terbaik Piala Naib Canselor 2010 berkata, mereka berlatih dan

mencari maklumat melalui akhbar, internet, majalah secara bersama dan sentiasa membuat perbincangan strategi bagi memastikan hujah yang disampaikan bernas.

"UMP pernah mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Debat DiRaja 2010 tahun lalu dan kejayaan ini merupakan pencapaian terbaik dalam pertandingan debat setakat ini," katanya.

UMP menang lapan pusingan di peringkat awal apabila berjaya menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Sebanyak 26 pasukan dari pelbagai Institut Pengajian Tinggi (IPT) menyertai pertandingan debat pada kali ini.

Hadir sama menyaksikan pertandingan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri yang merupakan Penasihat Kelab Orator UMP dan Koordinator Kelab Orator UMP, Mohd Ferdaus Musa.

33 PALAPES Laut berkayak ke Pulau Kapas



Cabaran ombak mengganas dalam keadaan cuaca yang panas terik selama tiga jam dari Chendering ke Pulau Kapas di Terengganu tidak menghalang seramai 33 peserta di kalangan Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menamatkan ekspedisi dengan jayanya baru-baru ini.

Kekuatan fizikal dan mental serta semangat kerjasama di kalangan peserta menjadi resipi menjadikan peserta terus bertahan dalam mengharungi cabaran berdepan saat-saat getir.

Namun, kepayahan ini berakhir apabila peserta dapat meneroka keindahan flora dan fauna di pulau yang terkenal sebagai antara destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia.

Sepanjang program, peserta turut diberi penerangan mengenai aspek keselamatan dan latihan *Early Morning Activities* (EMA) setiap kali sebelum memulakan ekspedisi.

Menurut Ketua Jurulatih Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lt. Shazree Sharidan, program ini merupakan sebahagian daripada aktiviti bagi membina daya ketahanan mental dan fizikal pegawai kadet dalam

melaksanakan aktiviti lasak yang bakal ditempuh.

“Peserta dapat memupuk semangat berpasukan, menguji tahap keyakinan diri dan mengukuhkan nilai kepimpinan seseorang anggota pegawai kadet,” ujar beliau.

Selain itu, peserta diterapkan nilai dan etika ketenteraan di sepanjang program agar dapat melahirkan Pegawai Kadet yang mampu menjayakan misi dan visi Pasukan Simpanan TLDM.

Pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Nurul Noramelya Zulkefli, 20, berkata, penyertaannya dalam program ini sememangnya meninggalkan kenangan yang paling bermakna dalam hidupnya terutamanya berpeluang menjalankan aktiviti Snorkelling di dasar laut.

Beliau yang menceritakan pengalamannya berkhemah di pulau selama tiga hari berkata, walaupun penat namun ianya amat menyeronokkan dan sungguh berkesan.

Malah, beliau tidak menyangka dapat bertahan selama tiga jam dengan berkayak dan berdepan situasi cemas semasa melawan arus dalam cuaca yang terlalu panas.

“Walaupun keletihan kami bersyukur selamat sampai membelah samudera ke destinasi dengan jayanya,” katanya.

Manakala rakannya Mohd Izzat Fauzi, 20 yang merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) berkata, kebanyakan program yang dijalankan memerlukan ketahanan fizikal dan mental.

Katanya, “aktiviti ini banyak memupuk sikap disiplin diri, keberanian diri seseorang dan kerja berpasukan.”

Lain-lain aktiviti yang diadakan termasuk sukan air, larian pantai, latihan pertahanan pangkalan, *Jungle Trekking*, *Compass Marching*, *General Drill*, Cerakah Malam, Tazkirah Agama dan Malam Mesra.

Pengalaman berkemah selama tiga malam dan berkayak mengelilingi pulau ini pastinya meninggalkan banyak kenangan yang tidak akan dilupakan apabila mereka menamatkan pengajian kelak. Pastinya pengalaman ini dapat membentuk peserta menjadi pemimpin berkaliher sebagai pewaris generasi akan datang.

Turut serta dalam menjayakan Ekspedisi ini, Pasukan Bomba & Penyelamat, Polis Marin dan bot UMP yang mengiringi Pegawai Kadet sepanjang perjalanan ekspedisi ini.



Sepak Takraw sumbang pingat Perak di SUKUM 2011

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mendapat satu pingat perak di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia 2011 (SUKUM) yang telah diadakan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dari 8 hingga 17 Julai 2011 yang lalu.

Sebanyak 13 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyertai pertandingan sepak takraw di kejohanan SUKUM kali ke-36 ini.

UMP diletakkan di dalam Kumpulan D bersama-sama Universiti Pertahanan

Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan KPT sendiri. Dalam pertandingan ini, UMP berjaya menjadi johan kumpulan D dan bertemu Universiti Utara Malaysia (UUM) di peringkat Suku Akhir dan berjaya mengalahkan UUM 2 - 1.

Pada pertandingan separuh akhir pula, UMP bertemu dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan perlawanan sengit dengan UKM memastikan UMP layak buat kali pertama ke perlawanan akhir apabila berjaya mengalahkan UKM 2 - 1.

Pada pertandingan akhir, UMP telah bertemu dengan Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah berjaya mengalahkan Universiti Putra Malaysia (UPM) di dalam perlawanan separuh akhir sebelum itu.

Pada perlawanan akhir berkenaan, pasukan UMP telah tewas 2-1 di tangan USM. Perlawanan sengit dan mendebarkan ini turut disaksikan oleh Ketua Kontinjen UMP, Ir Zulkiflee Khalidin.

Walaupun tewas, pasukan Sepak takraw UMP telah melakar sejarah apabila buat pertama kalinya berjaya mendapat pingat perak setelah lima tahun mencuba memenangi pingat.

Menurut kapten pasukan, Mohd Faizal Zulkufli, latihan yang berterusan di samping semangat juang yang tinggi telah berjaya membawa pasukan sepak takraw UMP ke perlawanan akhir.

Beliau yang berkhidmat di Jabatan Pengurusan & Pembangunan Harta (JPPH) amat berbangga dengan komitmen semua pemain, jurulatih dan pengurus pasukan untuk memastikan pasukan sepak takraw UMP disegani oleh pasukan-pasukan lain.

Terdahulu, pencapaian cemerlang pasukan sepak takraw UMP ini telah dibuktikan pada tahun ini dengan turut menjuarai Kejohanan Sepak Takraw Sirkuit Akhir Grand Prix, Pahang dan Johan dan Naib Johan Kejohanan Sepak Takraw Pekan.

UMP Staf FC beraksi cemerlang mencipta sejarah

UMP Staf FC mencatat sejarah apabila muncul juara Piala FA Liga Bolasepak Pekan 2011 buat kali pertama selepas menewaskan pasukan Pulau Jawa 1-0 pada 18 Julai 2011. Sebelum itu pada pusingan pertama UMP Staf FC menang 1-0 ke atas Polis. Pada peringkat suku akhir UMP Staf FC menewaskan PP Team melalui sepakan penalti 4-1 setelah terikat 1-1. Pada peringkat separuh akhir pula UMP Staf FC menewaskan Kelab KAWAN 3-1.

Sementara itu UMP Staf FC terus cemerlang apabila muncul naib juara Piala Mahkota Pekan 2011 selepas tewas kepada Pulau Jawa 2-1 pada perlawanan akhir yang diadakan pada 21 Julai 2011. Pada peringkat kumpulan UMP Staf FC menewaskan B'ruas 7-1, menang dengan Polis 2-0 dan seri 5-5 dengan PP Team. Pada peringkat suku UMP Staf FC menewaskan HICOM 4-2 dan menang 3-1 ke atas Temai FC pada peringkat separuh akhir.

Sementara itu pemain UMP Staf FC, Aizuddin Nor Md Tia juga telah dinobatkan sebagai penjaring terbanyak Liga Bolasepak Pekan 2011.

Menurut pengurus pasukan UMP Staf FC, Asri Haji Zainudin, disiplin, komitmen dan semangat juang yang tinggi telah membawa pasukan UMP Staf FC menjulang kejayaan yang cemerlang.

Pasukan UMP Staf FC dilatih oleh bekas pemain bolasepak Pahang era 1990-1998, Zulhamizan Zakaria.



PTMK beraksi hebat di Boling Antara Jabatan

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB. RAHMAN

Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi menunjukkan kehebatan apabila muncul juara dalam perlawanan Boling Antara Jabatan anjuran Badan Kebajikan & Sukan Staf, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Premium Lane, Kuantan pada 23 Mei 2011 yang lalu.

PTMK diwakili Norshuhada Muhd.Nordin, Mohd. Roslan Muhamad, Mustafa Kamal Daud dan Noorfazlina Jusoh menang dengan jatuhan pin sebanyak 1711 mata.

Kejohanan itu menyaksikan sebanyak 22 pasukan yang mewakili jabatan, fakulti dan jawatankuasa BKSS bertanding menunjukkan bakat masing-masing bagi merebut gelaran juara.

Tempat kedua disandang Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) dengan jatuhan pin sebanyak 1654 dan Pejabat Naib

Canselor (PNC) berjaya menduduki tempat ketiga dengan jatuhan pin sebanyak 1504.

Pusat Sukan (PSU) pula menduduki tempat keempat diikuti Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) masing-masing di tempat kelima dan keenam.

Sementara itu, Eriena Kamarozaman yang mewakili PNC muncul juara kategori individu dengan memperoleh jatuhan pin sebanyak 524 mata diikuti Mohd Faizal Zulkupli dari JPPH dengan mata 514 dan Rosli Ismail juga dari JPPH dengan jatuhan pin sebanyak 476 di tempat ketiga.

Menurut Pengerusi BKSS, Haji Mustafa Ibrahim yang juga Pendaftar UMP, penganjuran kejohanan ini dapat mencungkil bakat-bakat baharu dan ianya sebagai persiapan berdepan dalam Kejohanan Sukan Staf IPTA di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada bulan Julai nanti.

"Penganjuran sukan ini juga dapat mengeratkan hubungan di kalangan staf yang terdiri daripada pelbagai jawatan dan jabatan yang mengambil bahagian," katanya yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Beliau berpuas hati dengan komitmen semua dan mengharapkan sokongan yang padu di kalangan ahli BKSS yang terdiri daripada staf UMP dalam menjayakan aktiviti kebajikan dan sukan yang boleh dimanfaatkan bersama.



1,000 peminat sepak takraw banjiri UMP

Lebih 1,000 peminat sukan sepak takraw membanjiri Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menyaksikan secara dekat Kejohanan Sepak Takraw Utusan KFC 2011.

Kejohanan yang mendapat kerjasama KFC Holding sebagai penaja utama dengan sokongan rakan strategik 100 plus, Figos, Antabax, Salim, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan UMP dipilih lokasi rasmi penganjuran pada 17 Julai 2011 yang lalu.

Kejohanan kali ini menyaksikan regu Gastep B menjuarai kategori lelaki terbuka dengan membawa pulang hadiah bernilai RM 2,500, trofi dan barangan penajaan. Manakala, naib juara dimenangi regu Pestan yang membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000 dan produk penajaan.

Bagi kategori lelaki IPTA/IPTS 19 tahun ke bawah yang membawa pulang wang tunai RM 1,500 dijuarai regu Politeknik Kota Bharu A dan johan kategori ini dimenangi Penstan. Kedua-dua regu SSTBN (C) dan SSTBN (A) pula menang bagi kategori lelaki bawah 15 tahun.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah. Hadir sama

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Datuk Mohd. Nasir Ali dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, Sohaimi Yusoh.

Hadir sama Pengurus Besar Pemasaran KFC Holding (Malaysia) Berhad, Rosniza Baharum dan Setiausaha Agung Persatuan Sepak Takraw Malaysia, Dato' Haji Arshad Haji Yahya.

Dato' Daing berkata, kejohanan ini menarik minat pengunjung dari Kelantan, Terengganu, Pahang, Kuala Lumpur dan Johor datang ke UMP bagi menyaksikan sukan sepak takraw yang pernah popular suatu ketika dulu.

"Selain itu, ianya dapat meningkatkan lagi kualiti sukan sepak takraw di Malaysia yang bukan hanya setakat bermain di waktu petang di kampung-kampung namun mampu melonjak ke peringkat antarabangsa," katanya.

Orang ramai turut berpeluang bermain sepak raga bulatan, tikam tuju, timbang bola dan menyaksikan perlawanan persahabatan melibatkan regu selebriti tanah air yang terdiri daripada Yazer AF3, Afif AF9 dan pemain sepaktakraw kebangsaan Shuhaimi Yusof bertemu dengan regu teknikal.





130 atlet UMP beraksi di Kejohanan SUKUM ke-36

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghantar seramai 130 atlet bagi menyertai 10 acara sukan yang dipertandingkan di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Ke-36 (SUKUM) bermula 8 hingga 17 Julai 2011 yang lalu di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Ketua Kontigen UMP, Ir. Zulkefli Khalidin berkata, pemilihan atlet dan penyertaan UMP dalam acara sukan ini mengikut pencapaian cemerlang staf dalam kejohanan SUKUM tahun lalu serta prestasi semasa perlawanan persahabatan yang dipertandingkan sepanjang tahun ini.

"UMP mengambil bahagian dalam sukan bola sepak, tenis bowling, bola tampar, karom, bola jaring, sepak takraw, ping pong dan futsal.

"Selain memulakan latihan sejak Januari lalu, kontigen UMP turut menyertai perlawanan persahabatan dengan pasukan lain termasuk dari agensi kerajaan dan swasta sekitar Kuantan sebagai persediaan," katanya.

Ir. Zulkefli menasihatkan semua atlet UMP agar terus menjaga kesihatan dan disiplin diri sepanjang kejohanan berlangsung serta bersiap sedia beraksi dalam kejohanan kali ini.

Beliau berkata demikian semasa majlis penyerahan bendera dan pelepasan kontigen UMP di perkarangan Kompleks Sukan UMP.

Sementara itu, menurut Pengurus bola tampar wanita, Azlina Haji Ismail berkata, beliau meletakkan harapan yang tinggi bagi kemenangan pasukannya yang dilihat lebih bersedia dalam kejohanan kali ini.

Katanya, kejayaan pasukannya hingga ke peringkat suku akhir tahun lalu memberikan mereka semangat untuk menunjukkan prestasi lebih cemerlang pada tahun ini.

Kejohanan yang berakhir 18 Julai ini menyaksikan UTeM dipilih sebagai tuan rumah dan mempertandingkan sebanyak 20 acara sukan yang disertai di kalangan staf universiti seluruh negara.

UTeM turut memperkenalkan beberapa anugerah khas termasuk pendaftaran kontigen terbesar, penyertaan staf veteran teramai, kontigen sihat cergas dan semangat sukan tertinggi (kategori gelanggang).



Ir. Zulkefli Khalidin
Ketua Kontigen UMP

".....pemilihan atlet dan penyertaan UMP dalam acara sukan ini mengikut pencapaian cemerlang staf dalam kejohanan SUKUM tahun lalu serta prestasi semasa perlawanan persahabatan yang dipertandingkan sepanjang tahun ini."

Jurutera Proses sangat mencabar

- Syarifah Natasha

Pernah disenaraikan sebagai penerima Anugerah Dekan sebanyak dua kali dan menyandang jawatan sebagai Naib Pengerusi Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST), ternyata telah membuktikan Sharifah Natasha Syed Jaafar bukan sahaja seorang mahasiswi yang bijak dalam pembelajaran, malahan turut bergiat aktif di pentas kokurikulum juga.

Menurut anak kelahiran Kuala Lumpur ini, penglibatan beliau dalam aktiviti kokurikulum dan "softskill" cukup membantu kerjayanya sekarang sebagai seorang Jurutera Proses di Syarikat MMC Oil & Gas Engineering Sdn. Bhd. yang disifatkannya sangat mencabar kerana perlu mengendalikan dan bekerja dengan pelbagai masalah, situasi dan lapisan staf yang begitu ramai.

Bekas graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia juga menyifatkan subjek yang ditawarkan di UMP seperti "Unit Operation", "Eng Math", "Mass & Energy Balance", "Process Plant Design" dan seumpamanya banyak membantu beliau untuk mengendalikan struktur pekerjaan yang mencabar ini.

Namun, sebagai seorang graduan yang berlatar belakang pendidikan kejuruteraan kimia sepenuhnya, semestinya ia tidak menyukarkan beliau untuk mengaplikasikan sepenuhnya ilmu dan kepakaran yang diperoleh semasa berada di UMP dahulu.

"Sebagai seorang jurutera yang proses reka bentuk di sebuah syarikat jurutera perunding kepada industri minyak & gas dan petrokimia, saya diberi pendedahan dalam bidang reka bentuk dengan projek-projek syarikat minyak dan petrokimia utama di negara seperti Petronas Carigali, ExxonMobil, Optimal dan sebagainya," ujar beliau.

".....penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan "softskill" cukup membantu kerjayanya sekarang sebagai seorang Jurutera Proses".





Tahniah

Sidang Editorial *Create* ingin mengucapkan TAHNIAH kepada Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus atas pelantikan semula sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkuat kuasa mulai 21 Julai 2011 hingga 20 Julai 2013.

PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Madya Zulkafli Bin Hassan
Penolong Naib Canselor
(Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti)
15 Julai 2011 hingga 14 Julai 2013



Profesor Ir. Dr. Jailani Bin Salihon
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli
15 Julai 2011 hingga 14 Julai 2013



Dr. Abdul Adam Bin Abdullah
Pegawai
Pusat Kejuruteraan Automotif
15 Julai 2011 hingga 14 Julai 2013



Profesor Madya Dr. Wan Maseri Binti Wan Mohd
Pegawai
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
16 Jun 2011 hingga 15 Jun 2013



Profesor Madya Dr. Abdullah Bin Ibrahim
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Jabatan Pengurusan Teknologi
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi
13 Jun 2011 hingga 12 Jun 2013




Dr. Hamzah Bin Ahmad
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
1 Mei 2011 hingga 30 April 2013



Judul Buku : Mengangkasa Modal Insan :Isu & Cabaran
Pengarang : Abd Jalil Borham, Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Hassan Ahmad & Munira Abd Razak
Harga : RM51.00
Jumlah Halaman : 217 muka surat

Buku Mengangkasa Modal Insan: Isu Dan Cabaran adalah himpunan makalah dan kertas bahasa Melayu hasil tulisan para ahli akademik di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan institusi pengajian tinggi awam/swasta yang lain dan sebahagiannya merupakan kertas kerja terpilih dalam persidangan antarabangsa anjuran Pusat bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, UMP. Buku yang mengandungi 13 bab ini membincangkan persoalan modal insan dan pembangunannya dari pelbagai dimensi secara kajian kuantitatif dan kualitatif.

Antara isu yang dibincangkan merangkumi aspek mengangkasa modal insan, modal insan dari segi politik dan pengurusan, peranan wanita dalam pembangunan modal insan, pembentukan insan menerusi model kepimpinan, kemahiran insaniah di universiti, modal insan dari segi ekonomi dan keusahawanan, peranan kerajaan dalam pembangunan modal insan belia, kualiti kehidupan dan akhirnya integriti modal insan dalam pengurusan dan pentadbiran. Perbincangan dalam buku ini mencerminkan idea yang relevan tentang isu modal insan dalam mengangkasakan jati diri dan identiti dari perspektif menyeluruh iaitu aspek ilmu pengetahuan, kemahiran teknikal, kemahiran generik, pembangunan intelektual dan spiritual ke arah cabaran dan hambatan global masa depan.



Judul Buku : Modal Insan:Transformasi Menjana Kelestarian
Pengarang : Abd Jalil Borham, Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Hassan Ahmad & Munira Abd Razak
ISBN : 978-967-0120-09-6
Harga : RM51.00
Jumlah Halaman : 248 muka surat

Buku Modal Insan:Transformasi Menjana Kelestarian merupakan himpunan makalah dan kertas kerja berbahasa Melayu hasil tulisan para ahli akademik di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan institusi pengajian tinggi awam/swasta yang lain dan sebahagiannya adalah kertas kerja terpilih dalam persidangan antarabangsa anjuran Pusat bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP. Buku yang mengandungi 13 bab ini membincangkan persoalan modal insan dan pembangunannya dari pelbagai dimensi secara kajian kuantitatif dan kualitatif.

Antara isu yang dibincangkan merangkumi aspek akademik pelajar, peranan wanita dalam pembangunan modal insan minda kelas pertama, pembentukan insan menerusi model Kecerdasan Emosi, modal insan dari perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah, kepimpinan dan kerjasama berpasukan, analisis aspek modal insan dalam manuskrip melayu dan Islam, isu halal dalam pembinaan modal insan, proses tazkiyah al-nafs dalam kalangan pelajar universiti, pendekatan Islam Hadhari dan modal insan, komuniti dan pembangunan insan pada zaman Sirah Nabawiyah, komunikasi efektif dalam pendidikan tinggi, aspek kepimpinan dalam karangan kitab ulama Islam zaman silam dan akhirnya modal insan dari kupasan kisah dalam Al-Quran. Perbincangan dalam buku ini mencerminkan idea yang relevan tentang isu pembangunan modal insan dalam menghadapi cabaran ke arah kesejahteraan dan kelestarian insan dan persekitarannya.



Judul Buku : Strategi Dan Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan
Pengarang : Mohd Affendy Omdin
ISBN : 978-967-0120-22-5
Harga : RM12.00
Jumlah Halaman : 70 muka surat

Buku amat sesuai dijadikan panduan untuk mengurus bangunan dengan lebih berkesan. Secara umumnya, kerja penyelenggaraan bangunan adalah kerja-kerja yang dilakukan untuk memelihara atau menjaga bangunan kemudahan iaitu setiap kawasan, dalaman bangunan dan kelengkapan pada satu tahap yang menjamin keselesaan dan kebaikan kepada kesihatan penghuni. buku ini turut menerangkan asas panduan bagi melakukan kerja-kerja pembaikan serta mengawasi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dengan lebih bersestematik.

Selain itu, naskah ini turut membantu pengurus penyelenggaraan bangunan, pereka bentuk menyelenggara bangunan dan menghasilkan reka bentuk bangunan yang selesa untuk dihuni, malah turut menjadi panduan bagi pembaca umum yang ingin mendalami bidang penyelenggaraan bangunan.



Judul Buku : Pengenalan Keselesaan Terma-Ke Arah Persekitaran Kerja Yang Ergonomik
Pengarang : Ahmad Rasdan Ismail
ISBN : 978-967-0120-18-8
Harga : RM26.00
Jumlah Halaman : 65 muka surat

Bidang ergonomik persekitaran adalah satu bidang yang baharu bukan sahaja kepada pakar-pakar industri tetapi jua kepada kebanyakan pengkaji dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia. Buku ini memberi panduan tentang keselesaan terma dan bagai mana ia dapat mempengaruhi keselesaan dan prestasi manusia, di samping amat berguna dalam menilai tahap persekitaran iaitu iklim persekitaran agar keselesaan kepada penghuni dapat diwujudkan. Dengan wujudnya persekitaran terma yang baik dan ergonomik tahap prestasi kerja dan produktiviti dapat dipertingkatkan.

Buku ini terhasil dari pengumpulan dan sumbangan hasil kajian dari jurnal, prosiding persidangan dan buku ilmiah yang diperolehi sepanjang kajian penulis dalam bidang ini. Buku ini turut menyediakan wadah atau platform yang cukup baik bagi seseorang yang terlibat dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerja bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang ergonomik.

Konsep baharu perpustakaan: bersediakah kita?



Apa yang terlintas di fikiran apabila menyebut perpustakaan? Rata-rata beranggapan tempat senyap sunyi dan dipenuhi dengan buku-buku di rak. Sebenarnya, sejak penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM), perpustakaan pada masa itu telah mengamalkan konsep perpustakaan sebagai ruang perbincangan. Namun dihadkan di beberapa ruangan tertentu sahaja.

Di bangunan baharu perpustakaan dua tingkat, konsep ini masih lagi diamalkan di mana aras bawah untuk ruang perbincangan, manakala aras atas adalah ruang senyap. Hakikatnya, sejauh manakah disadari oleh para pengguna?

Menurut beberapa orang staf UMP, mereka inginkan perpustakaan meriah seperti pusat membeli belah. Pengguna akan berasa selesa dan minat untuk menghabiskan masa terluang di perpustakaan. Apatah lagi jika dibenarkan makan dan minum di ruangan

tertentu. Bersediakan kita sebagai staf dan juga pengguna membawa perubahan dalam persekitaran perpustakaan?

Apabila berbual dengan pengguna, mereka inginkan perpustakaan yang boleh makan dan minum di dalamnya, ruang berbincang tidak dihadkan senyap, hiasan serta fungsi yang lebih mesra agar pengguna berasa seperti di rumah. Di samping itu, kebebasan berpakaian santai seperti mereka ke pusat membeli belah. Rasionalnya untuk keselesaan pengguna dan mereka bebas untuk mengulang kaji tanpa mengira waktu.

Ada yang menggambarkan agar perpustakaan seperti pusat membeli-belah untuk mereka meluaskan masa lapang. Persoalannya, bersediakan kita menerima perubahan ini di mana berbincang tanpa kawalan suara; adakah ini tidak mengganggu pengguna lain untuk mengulang kaji?

Beberapa perkara perlu dilihat sebelum membuat perubahan:

- Kebenaran membawa masuk makanan akan menyebabkan ruang perpustakaan berbau dengan pelbagai perencah. Ini bukannya tidak menyenangkan pengguna lain tetapi menyebabkan bahan perpustakaan terutamanya CD berada di dalam keadaan lembab dan cepat rosak.

- Etika berpakaian di perpustakaan mengikut etika pemakaian universiti, perpustakaan sekadar menguatkuasakan peraturan universiti.

- Ruang yang bebas berbincang tanpa kawalan suara. Implikasinya di manakah pelajar boleh belajar secara senyap kerana tidak semua pengguna selesa dengan suasana yang bising.

Memetik kata-kata Mike Clarke yang juga merupakan Ketua Pustakawan, sesetengah perubahan perlu berdasarkan model runcit di mana menggalakkan pengguna berada dalam waktu yang lama di perpustakaan.





Semuanya memerlukan penambahbaik persekitaran perpustakaan. Pengguna lebih relaks dan mereka merasa selesa. Beliau merasakan perpustakaan tidak semestinya perlu senyap.

Namun begitu, mungkin dengan sedikit pendekatan di mana menghadkan aras-aras tertentu untuk perbincangan serta ruang makan dan minum disediakan tempat khas di dalam perpustakaan agar tidak mengganggu pengguna lain. 'Café Humboldt State Library' menyediakan ruang khusus. Begitu juga dengan *Café Cottage Library* di mana diwujudkan di dalam perpustakaan. Di Hillingdon, Barat London, kadar pinjaman buku meningkat sebanyak 32 peratus apabila Starbuck diperkenalkan di dalam perpustakaan utama.

Bukan semua tempat pengguna boleh makan dan minum. Cuba kita fikirkan dengan membenarkan pengguna membawa makanan sambil menggunakan buku yang

harganya beribu-ribu. Adakah kita sanggup menanggung kerosakan buku? Adakah berbaloi?

Diharapkan pada masa akan datang perpustakaan dapat menyediakan ruang pembelajaran yang selesa dan juga menyediakan kafe di dalamnya untuk keselesaan pengguna. Pentadbir perpustakaan perlu memikirkan aktiviti dan susun atur agar ia dapat menarik pengguna ke perpustakaan sebagaimana pengguna gemar ke pusat membeli-belah.

.....sesetengah perubahan perlu berdasarkan model runcit di mana menggalakkan pengguna berada dalam waktu yang lama di perpustakaan.



Kecemerlangan IPT: Anugerah atau Sumbangan?

Oleh: HASNAH HUSSIIN



Dalam usaha bagi memartabatkan menara gading sebagai institusi tertinggi pendidikan negara, Majlis Profesor Negara (MPN) dilancarkan pada April 2010. Usaha ini merupakan langkah murni ke arah memartabatkan lagi institusi pendidikan negara agar ia menjadi lebih mantap dan menampakkan peranannya kepada pembangunan modal insan yang lebih gemilang dan terbilang.

Setiap IPT di Malaysia masa kini sama ada ia sebuah universiti yang lama atau universiti yang baharu berlumba-lumba untuk menaikkan nama universiti masing-masing melalui penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, siapakah yang lebih berperanan staf pentadbiran atau para pensyarahnya? Sudah tentulah kedua-dua pihak perlu bersama-sama menggembeng tenaga bagi menaikkan nama sesebuah universiti. Tetapi tulang belakang kepada jatuh bangunnya sesebuah universiti itu sangat bergantung kepada ahli akademik atau para pensyarahnya. Justeru, pelbagai insentif disediakan bagi memberi peluang kepada mereka ini untuk meningkatkan diri masing-masing melalui kursus, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta konsultasi yang dijalankan.

Mungkin ada pihak-pihak yang terkeliru sama ada sesebuah universiti itu perlu banyak menang anugerah baharulah boleh dikategorikan sebagai universiti yang terbagus dan terbaik. Memang kita tidak boleh menafikan untuk menang anugerah adalah menjadi impian bagi sesiapa sahaja

yang memasuki sesuatu pertandingan. Universiti mana yang tidak bangga jika pensyarah-pensyarahnya banyak memenangi anugerah dalam atau luar negara. Pada masa yang sama pensyarah yang terlibat juga sememangnya akan menerima tempias kejayaan kerana mungkin selepas ini mereka akan diberikan kenaikan gaji atau kenaikan pangkat. Kurniaan kenaikan gaji dan pangkat secara tidak langsung akan menaikkan lagi semangat seseorang pensyarah untuk lebih berusaha pada masa akan datang. Ini tidak salah!.

Sejauh manakah antara ahli akademik atau pensyarah-pensyarah universiti pada hari ini menyedari bahawa sumbangan kepada universiti itu adalah lebih penting bagi menjamin kelestarian sesebuah universiti. Jadi apakah peranan universiti sebenarnya? Tempat untuk melakukan sesuatu untuk menang anugerah atau menyediakan ilmu bagi pembangunan modal insan? Dua perkara ini perlu ditibangkan sewajar-wajarnya agar kewujudan universiti tidak tersasar dari objektif asalnya. Apa yang ditakutkan adalah kerana mengejar anugerah, tugas hakiki tidak dilaksanakan, maka anak bangsa kita yang akan menanggungnya. Sememangnya sesebuah universiti juga perlu menjadi pusat penyelidikan dan pada masa yang sama berperanan melahirkan modal insan yang berilmu sama ada ilmu dunia dan ilmu akhirat.

Semua sudah sedia maklum universiti perlu melakukan sesuatu yang boleh membangunkan negara dan bangsanya.

Peranan yang paling utama adalah bidang pengajaran dan pembelajaran. Jika pada masa dahulu universiti banyak menggunakan kaedah tradisional iaitu lebih kepada pendekatan "one way communication" iaitu pensyarah akan memberikan syarahan di dalam bilik kuliah yang besar yang di dalamnya ada 400 hingga 500 orang pelajar. Tetapi pada masa kini, konsep itu masih lagi berjalan tetapi telah menambah beberapa elemen baharu dalam bidang pengajaran dan pembelajaran melalui konsep "student centered learning" yang memperlihatkan peranan pensyarah lebih kepada fasilitator. Selain itu, diperkenalkan juga pendekatan yang lain seperti "problem base learning," "learning outcome," dan juga penerapan kemahiran keinsanan. Malahan ada di antara universiti-universiti tempatan yang menjadi "hub" atau pusat konsultasi bagi pendekatan pembelajaran dan pengajaran di atas. Ini adalah antara sumbangan utama universiti dalam bidang pendidikan. Selain itu, universiti tempatan kita juga ada memperkenalkan konsep khidmat masyarakat yang di dalamnya ada program anak angkat, kampung angkat, sekolah angkat, gotong-royong dan sebagainya. Inilah sumbangan yang mana ia akan mendekatkan lagi masyarakat setempat dengan universiti.

Sedarlah bahawa negara memerlukan golongan cendekiawan atau para ilmuan ini sebagai agen perubahan masyarakat. Pada merekalah pihak kerajaan meminta pandangan dan pendapat mengenai sesuatu perkara sebelum ia dijalankan. Jangan kita



meringan-ringankan sumbangan buah fikiran mereka. Jika kita berpatah balik kepada sejarah negara, sememangnya golongan ilmunan menjadi agen perubahan masyarakat di mana sebelum kemerdekaan, golongan guru-guru Melayu memainkan peranan penting dalam memberikan buah fikiran dan sumbang saran bagi membangunkan bangsa Melayu yang pada waktu itu terpinggir dan tertinggal dalam mengejar kemajuan. Pada zaman ini sudah jelas lagi tersuluh para akademik masih dan tetap menjadi agen perubahan masyarakat.

Ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh para ahli akademik merupakan aset yang berharga yang boleh kita gunakan untuk membangunkan negara dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sejarah dan sosial. Semuanya penting untuk pembangunan negara. Semua ilmu saling bergantung di antara satu sama lain. Setakat ini segala reka cipta, penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik di universiti tempatan sangat membanggakan dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Ini sangat membanggakan kita semua. Pencapaian ini seharusnya menjadi keyakinan kepada kita bahawa negara ini mempunyai penyelidik yang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa asing. Satu pencapaian yang amat besar bagi negara kerana pada zaman dahulu,

masyarakat kita tidak sampai ke tahap ini. Justeru itu, semua universiti di Malaysia perlu bekerjasama untuk memberikan sumbangan yang tidak berbelah bagi kemajuan agama, bangsa dan negara.

Segala hasil penyelidikan yang telah memenangi anugerah sama ada di dalam atau di luar negara seharusnya akan memberi faedah kepada pembangunan bangsa dan negara. Kita tidak mahu segala penyelidikan dan inovasi yang telah mendapat pengiktirafan yang tinggi akan dijadikan perhiasan di dalam almari kaca untuk tatapan pelawat dan juga untuk memenuhi rak-rak buku di perpustakaan. Jika ini menjadi budaya, maka usaha penyelidikan yang dijalankan selama ini akan terbuang begitu sahaja. Sebenarnya inilah masa untuk para penyelidik menunjukkan sumbangan mereka dengan cara membuat penyelidikan dan setelah berjaya sudah pastinya hasil yang didapati perlu dikomersialkan untuk kegunaan bagi pembangunan masyarakat dan negara. Malaysia sememangnya mempunyai banyak hasil ciptaan dan inovasi setakat ini, tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan bagi memastikan segala penyelidikan yang dihasilkan mempunyai kesinambungan selepas itu dan tidak mati begitu saja sebaik sahaja lepas menang anugerah.

Tidak dinafikan universiti pada hari

ini telah mula menjalinkan kerjasama dengan pihak industri dan masyarakat sekeliling. Ini merupakan langkah bijak kerana pihak universiti boleh bekerjasama bagi melakukan sesuatu penyelidikan yang bersifat "multidisciplinary" dan pada masa yang sama dapat mengetahui apakah yang diperlukan oleh industri pada masa kini. Rentetan daripada ini, universiti juga akan lebih mengetahui apakah penyelidikan dan inovasi yang relevan dengan kehendak pasaran dan keperluan masyarakat sekeliling. Ini antara sumbangan yang universiti boleh lakukan tanpa mengejar anugerah atau kedudukan.

Sama ada kita sedari atau tidak, apa yang dibincangkan ini semuanya bergantung kepada peranan ahli akademik dan modal insan yang dimiliki oleh sesuatu universiti itu. Universiti memerlukan kakitangan akademik yang komited, ikhlas, berpandangan jauh, serta mempunyai visi untuk membangunkan universiti kerana kejayaan tidak akan datang bergolek, bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi dan usaha tangga kejayaan. Universiti boleh menubuhkan pusat kecemerlangan, tetapi jika modal insannya tidak komited, ia akan hanya tinggal nama sahaja.

Sesebuah universiti akan terus melakar kejayaan jika sekiranya bidang-bidang bukan sains sosial dan sains sosial bekerjasama membuat penyelidikan dan inovasi. Sebagai contohnya jika bidang kejuruteraan menggembeng tenaga bekerjasama dengan bidang sains sosial, hasil penyelidikan nanti akan lebih berkualiti dan mampu melahirkan pengetahuan dan bidang yang baharu. Di sinilah perlunya kreativiti di kalangan staf akademik kerana kita perlu ada ciptaan baharu dan lain daripada yang lain untuk mendapat tempat di negara luar. Apa yang penting anugerah kita kejar, pada masa yang sama sumbangan kepada masyarakat dan negara jangan dilupa.

Penulis adalah Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh para ahli akademik merupakan aset yang berharga yang boleh kita gunakan untuk membangunkan negara dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sejarah dan sosial. Semuanya penting untuk pembangunan negara. Semua ilmu saling bergantung di antara satu sama lain. Setakat ini segala reka cipta, penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik di universiti tempatan sangat membanggakan dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sihatkah bangunan anda?

Artikel/Rencana Pilihan

Pentingnya kepada penghuni

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY BIN OMARDIN

Pernahkah anda berasa tidak selesa, pening-pening, batuk-batuk dan bersin semasa berada di dalam bangunan? Gejala di atas merupakan tanda-tanda bangunan anda berada pada tahap tidak sihat. Sindrom penyakit bangunan atau sick building syndrome merupakan satu situasi di mana penghuni bangunan terdedah kepada masalah kesihatan dan ketidakselesaan semasa menghuni bangunan.

Bangunan tidak sihat di kenali apabila dua puluh peratus penghuni terdedah kepada gejala yang timbul dan mengakibatkan gangguan kesihatan akut bagi para penghuni bangunan. Gejala seperti perasaan cemas yang tinggi (*phobia*), tidak segar dan nyaman dan berbagai keluhan lainnya adalah beberapa gejala sindrom penyakit bangunan. Umumnya, keluhan seperti sakit kepala, sakit mata, panas atau demam, kesukaran bernafas (sesak nafas), batuk, bersin, iritasi kulit dan tidak ada mood untuk bekerja.

Antara gejala-gejala simptom penyebab pencemaran udara adalah virus di udara, bakteria, asap, bahan yang kurang menyenangkan, spora, kulat, pencemaran dari sampah sarap, pemeliharaan ikan, pencemaran dari bilik air, tandas kotor, pencemaran dari cat dinding, bahan buangan dari haiwan peliharaan, pencemaran dari asap kenderaan, pencemaran dari permaidani, lantai kotor dan perabot.




20 Tanda-tanda Bangunan Kurang Sihat

Kesan bangunan yang tidak sihat boleh dilihat dan dijelaskan seperti berikut:

1. Habuk mengisi ruang udara dalaman;
2. Terdapat tompok-tompok hitam atau cendawan kecil pada dinding dalaman bangunan;
3. Tompokan kulat pada siling dan dinding dalaman bangunan;
4. Ruang dalaman berbau hapak, busuk;
5. Lantai dalaman berlumut dan licin;
6. Perabot dalaman menjadi lapuk dan mengalami pereputan;
7. Kesilapan dalam reka bentuk pengudaraan mekanikal pada saluran kemasukan udara;
8. Ketidakteraturan dalam menjalankan penyelenggaraan pengudaraan dalaman;
9. Berlakunya pertukaran aktiviti penghuni, gerak kerja dan fungsi bangunan;
10. Pembakaran daripada lingkaran nyamuk boleh membebaskan gas berbahaya dan boleh memberikan kesan kepada pernafasan;
11. Kerosakan alatan pengudaraan bangunan;
12. Kelembapan dalam bangunan yang bertambah teruk;
13. Tamatnya tempoh penggunaan bahan kemasukan dalaman bangunan;
14. Tekanan atau stres di tempat kerja apabila berlaku kerosakan seperti lif, alat penghawa dingin.
15. Kesan kerosakan daripada pembinaan bangunan seperti kebocoran bumbung, kebocoran siling, dinding bangunan retak dan resapan air kepada dinding bangunan;
16. Kesan serangga perosak pada perabot dalaman menyebabkan udara dalaman kurang baik;
17. Kesan penggunaan bahan cucian bangunan mencemar udara dalaman - pembebasan kimia dari cat, varnish, pencuci karpet, pencuci lantai yang berlebihan semasa mencuci bangunan;
18. Kesan penggunaan peralatan pembersihan dalaman mencemarkan pengudaraan dalaman seperti bulu ayam, kain cucian, penggunaan mop lantai dan penyembur bahan cucian;
19. Kesalahan pemilihan material boleh mengakibatkan demam, gangguan pernafasan, demam pontiac, legionnaire, dehidrasi, stres, kecemasan yang tinggi, batuk, dan asma; dan
20. Ruang dalaman gelap dan suram disebabkan kurang pencahayaan yang boleh membahayakan penghuni dalam melakukan aktiviti.

1. Ambil langkah mengamalkan dan menjaga kebersihan dalaman;
2. Susun perabot dalaman agar kelihatan kemas dan tersusun;
3. Perlu adakan sistem saliran pengudaraan yang baik;
4. Penyusunan aktiviti keluar masuk ke dalam bangunan atau gerak kerja penghuni dan fungsi bangunan;
5. Melakukan pemeriksaan bangunan dan penyelenggaraan secara rutin dan berkala.
6. Melakukan pengawalan serangga (pest control) atau pengendalian hama serangga seperti nyamuk, lalat, lipas, rayap dan tikus;
7. Lakukan pemeriksaan kualiti udara di bangunan kediaman atau tempat anda bekerja bagi mengelak daripada serangan penyakit;
8. Lakukan pemeriksaan keatas perabot dalaman bangunan dan bersihkan dengan pencuci anti septik dan anti kulat bagi mengelakkan debu dan spora berterbangan di udara;
9. Lakukan pemeriksaan suhu dalaman bagi menguji kelembapan udara dan kelajuan udara tidak seimbang serta untuk mengelak daripada serangan penyakit;
10. Permaidani perlu disedut dengan penyedut hampagas terutama sekali sehari di kawasan laluan yang kerap digunakan seperti di ruang legar bangunan;
11. Memastikan bangunan sentiasa kemas;
12. Menggunakan bunga-bunga segar dan menarik di kawasan bangunan;
13. Gunakan lampu yang sesuai bagi dalaman dengan tahap minimum pencahayaan ruang menonton kadar lumen 150 hingga 200, ruang makan 200 hingga 300 lumen, ruang bengkel kadar 800 hingga 1200 lumen, ruang dapur 600 hingga 1200 lumen;
14. Mengemas bilik tidur, bilik rehat dan ruang tamu setiap hari;
15. Membersihkan permaidani sekurang-kurangnya seminggu;
16. Membersihkan lantai dengan penyapu dan pengelap setiap hari;
17. Gunakan penyedut hampagas seminggu sekali untuk membuang habuk;
18. Gunakan penyegar udara dalaman bagi mengurangkan pencemaran udara dan wangian dalaman untuk menyegarkan ruang; dan
19. Elemen kerohanian boleh diterapkan dengan mengadakan elemen keagamaan dalam bangunan dan penerapan muzik yang menenangkan penghuni; dan



Justeru, keutamaan dan ketelitian semasa membuat reka bentuk bangunan boleh mengurangkan sindrom ini. Aspek penting termasuk semasa reka bentuk ruang bangunan, sirkulasi udara dan cahaya, pengaliran air buangan, pemilihan bahan binaan bangunan, serta pelaksanaan pembinaannya.

Rujukan

1. Chew Yit Lin, Micheal (2010) Maintainability of Facilities World Scientific Co. Pte Ltd
2. Barrie Chanter dan Swallow (2007) Building Maintenance Management, 2nd Edition, Blackwell Publishing Ltd.
3. Zulkifli Hanafi (2001) Teori dan Prinsip Reka bentuk , Amber Solara Publication.



**PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA
SEPARUH MASA
SESI KEMASUKAN SEPTEMBER
2011**

- **DIPLOMA KEJURUTERAAN KIMIA (LOJI PROSES)**
- **DIPLOMA KESELAMATAN PEKERJAAN, KESIHATAN INDUSTRI & ALAM SEKITAR**

Hubungi Kami:

Tel : 09-549 2629 / 3376 / 2086

H/P : 012-901 1051

Faks : 09-549 3323

Web : <http://cenfed.ump.edu.my>

e-Mel : cenfed@ump.edu.my



MS ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR3811
Skop : Perkhidmatan Latihan Luaran



Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
UNIT PENERBITAN & GRAFIK
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2501
Faks : 09 549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my